



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHAMED @ MAD BIN AWANG  
PENDIKIR**

**OLEH:**

<b>AHMAD FATHI BIN GHAZALI</b>	<b>2014954749</b>
<b>MOHD FAZIL BIN ALI</b>	<b>2014127345</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MOHAMED @ MAD BIN AWANG  
PENDIKIR**

**OLEH:**

<b>AHMAD FATHI BIN GHAZALI</b>	<b>2014954749</b>
<b>MOHD FAZIL BIN ALI</b>	<b>2014127345</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN



ASSALAMUALAIKUM W.B.T.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana memberi kami kesihatan yang baik untuk menyiapkan kerja berkumpulan ini pada masa yang telah ditetapkan serta diberikan olehNya kesempatan untuk berjumpa dengan individu yang berkaitan bagi menyiapkan tugas ini.

Kami juga ingin meluahkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap pensyarah yang kami sayangi iaitu Madam Nor Kamariah Binti Chik kerana memberi kami garis panduan serta nasihat dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa beliau, mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selain itu, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mohamed @ Mad Bin Awang (Pak Mat) di atas perkongsian maklumat dan juga pengalaman beliau mengenai tajuk tugas kami iaitu Dikir Laba.

Dalam menyiapkan tugas ini, kami telah mendapat banyak ilmu pengetahuan yang berguna sepanjang menyiapkan tugas ini. Walaubagaimanapun, tugas ini tidak akan dapat diteruskan tanpa sokongan dan pertolongan daripada rakan-rakan, keluarga dan pensyarah yang disayangi. Akhir kata, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tugas kami.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Rakaman ini adalah temubual bersama dengan tokoh dalam bidang Dikir Laba iaitu Encik Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih mesra dengan panggilan Pak Mat. Rakaman ini telah dirakam di tempat beliau iaitu di Kampung Periuk, Chabang Empat Tumpat, Kelantan pada 23 April tahun 2016. Rakaman ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan Dikir Laba daripada Encik Mohamed @ Mad Bin Awan dan juga latarbelakang tentang pencerita itu sendiri iaitu Pak Mat. Sepanjang rakaman ini dilakukan, Encik Mohamed @ Mad Bin Awang telah menceritakan serba sedikit tentang latar belakangnya, asal usul Dikir Laba, tentang lagu Dikir Laba, tentang ahli Kumpulan Dikir Laba, Bagaimana latihan Dikir Laba dijalankan, perbezaan Dikir Laba dengan Dikir Barat, kenapa Dikir Laba diancam kepupusan serta soalan- soalan yang lain yang kami ajukan kepada Pak Mat sepanjang rakaman ini berlangsung. Rakaman ini mengambil masa lebih kurang dua jam lima puluh lima minit untuk disiapkan dan sepanjang tempoh tersebut, Encik Mohamed @ Mad Bin Awang telah memberikan sepenuh perhatian dan kerjasama bagi menjayakan rakaman ini.*

**Kata kunci:** *Dikir Laba, Pak Mat.*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Asal-Usul Dikir Laba.....	20
Bahagian 3: Dikir Laba Dikir Terancam.....	44
Bahagian 4: Cerita Rakyat Dalam Dikir Laba.....	47
Lampiran	
Log Wawancara.....	55
Diari Kajian.....	59
Senarai soalan.....	62
Surat Perjanjian.....	71
Gambar.....	72
Indeks.....	76



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



1.	Nama penuh	Mohamed @ Mad Bin Awang
2.	Alamat surat menyurat	Lot 1786, Kampung Periuk, Chabang Empat Tumpat, Kelantan.
3.	Tempat kelahiran	Tumpat, Kelantan.
4.	Jantina	Lelaki
5.	Umur	70 tahun
6.	Pendidikan	Darjah 6 Sekolah Melayu dan Sekolah Inggeris Tumpat
7.	Ahli keluarga	Mempunyai seorang isteri dan dua anak lelaki, serta dua anak perempuan
8.	Hobi	Berdikir
9.	Kerjaya	Petani dan Guru kelas latihan kerja

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Dikir Laba adalah satu persembahan yang sering diminati oleh rakyat di negeri Kelantan dan ia merupakan salah satu daripada kebudayaan tempatan yang telah wujud sejak dulu lagi. Menurut dari buku yang telah kami baca, yang bertajuk beberapa aspek warisan Kelantan 2, Dikir Laba berasal daripada berzanji atau berkhasidah dan senikata yang digunakan dalam Dikir Laba ini adalah perkataan- perkataan dari Parsi, Arab, Libya dan juga dari Tanah Melayu sendiri. Perkataan 'Laba' adalah diambil daripada perkataan 'labah- labah' kerana setiap ahli kumpulan di dalam Dikir Laba ini akan mengelilingi di antara satu sama lain dan membentuk seakan- akan seperti sarang labah- labah. Mengikut Encik Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih dikenali Pak Mat daripada kampung Periuk, yang ditemual bual oleh kami, berkata, di antara tahun 1930 hingga 1940 an, kumpulan Dikir Laba disanjung tinggi oleh masyarakat terutamanya di peringkat kampung dan kumpulan Dikir Laba di jemput untuk memperdengarkan suara mereka di majlis-majlis kenduri Maulud, perkahwinan, tahlil dan sebagainya. Tetapi, pada zaman sekarang, Dikir Laba boleh dikatakan semakin lama semakin pupus kerana kurangnya pelapis generasi zaman sekarang dan juga disebabkan adanya faktor- faktor lain seperti persaingan dengan Dikir Barat dan juga kerana senikata yang diguna pakai di dalam Dikir Laba ini adalah sangat susah untuk difahami, malahan tidak dapat diertikan langsung.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang wawancara bersama Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih dikenali sebagai Pak Mat dimana beliau merupakan salah seorang ahli dalam Dikir Laba yang masih bergiat aktif lagi didalam Dikir Laba ini dan kumpulan Pak Mat dikatakan sebagai kumpulan terakhir, yang masih lagi mempraktikan Dikir Laba di dalam negeri Kelantan ini. Rakaman ini telah dijalankan di rumah Pak Mat di kampung halamannya, di Tumpat, Kelantan yang bertarikh, 23 April 2016, jam 11.00 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Mohd Fazil Ali dan dibantu oleh Ahmad Fathi Bin Ghazali. Berikut adalah hasil rakaman perbualan diantara Pak Mat Dengan Fazil Ali dan juga Fathi Ghazali. Dengan segala hormatnya, kami mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

PM: Pak Mat

FA: Fazil Ali

FG: Fathi Ghazali

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**FA : Saya nak perkenalkan diri dulu la dengan kawan saya. Kawan saya.**

**Sebenarnya saya dengan dia sahaja. Yang lain semua kawan- kawan, teman untuk hari ini sahaja. Okay tak?**

**PM : Masuk hei masuk-masuk *blako* [semua]- masuk tu. (kawan Pak Mat menyampuk) Nak perkenal diri. (kawan Pak Mat menyampuk)**

- FA** : **Saya Mohd Fazil Bin Ali. Berasal daripada Kedah dan ini kawan saya, kiranya satu group lah. Ini ialah, Ahmad Fathi Bin Ghazali, orang Bachok, Kelantan.**
- PM** : **Orang *Bachok* [Kelantan] *jah* [sahaja]?**
- FG** : ***Bachok* [Kelantan] *jah* [sahaja].**
- PM** : **(Pak Mat ketawa) Tak munasabah, orang tak tahu jalan ini.**
- FG** : **(Pak Mat ketawa) Kita tak tahu ini, jarang mari.**
- FA** : **Kiranya temuramah ini kita mula tengok persembahan dulu lah.**
- PM** : **Tengok persembahan dulu apa cara itu, senang pulak nak soal *nyo* [nya].**
- FA** : **Boleh-boleh. Tapi, sebelum itu, kiranya sebelum saya nak mula temuramah itu, saya hendak tunjuk dekat Pak Mat lah, antara bahagian-bahagian soalan. Bahagian soalan yang kami akan tanya.**
- PM** : **Sebut *jelah* [sahajalah], sebut- sebut.**
- FA** : **Sebut sahajalah? Tak, kiranya dia macam asal-usul Dikir Laba patut ada semua objektif, apa semuanya. Tidak mengapa, nanti kami akan ikut satu persatu soalan itu. Kiranya Pak Mat jawab ikut soalan yang kami bagi itulah. Kiranya temuramah ini buat bukannya saja-saja, dia untuk penuhi salah satu subjek untuk kursus kami bagi semester ini. Kiranya, subjek itu nama dia--**

- FG** : *Oral documentation* [pendokumentasian lisan].
- FA** : Dokumentasi sejarah-sejarah lisan. Kiranya, kami pilih Pak Mat ini, kiranya dijadikan, bagi kamilah, sebagai tokoh, sebab Pak Mat bergiat aktif untuk Dikir Laba ini. Tidak mengapalah, untuk mulakan ini, kita tengok persembahan dulu lah.
- PM** : Tengok persembahan lah. Buka kipas, buka. *Ambik* [ambil] kipas, tutup kipas atas. Kita *tokleh* [tidak boleh] Dikir *dey* [sebab] bawah kipas. (Kawan Pak Mat menyampuk) *Skaro* [seperkara], kalau “*soaltu*” (lirik lagu Dikir Laba) *so, pastu* [satu, lepas itu], *dua* [2] lagu tu lah. (Kawan Pak Mat menyampuk) *Dua* [2] *karo jah* [perkara sahaja]. (Suara kawan Pak Mat bercakap) *Wat tubik* [buat keluar] air (suara kawan Pak Mat bercakap). *Amik- amik* [ambil-ambil]. *Wat tubik* [buat keluar] air itu, *tok* [letak] luar *sikit* [sedikit] (Suara kawan Pak Mat bercakap). Ayah Mat *nak* [hendak] bangun, *nak* [hendak] gantung *ko sapo* [dengan siapa] dia? (suara kawan Pak Mat bercakap) Duduk *doh* [sudah] la (suara kawan Pak Mat bercakap). (Pak Mat dan ahli kumpulanya ingin memberi persembahan Dikir Laba terlebih dahulu pada kami sebelum menemubual beliau).
- FA** : Kita boleh mulakan, Pak Mat.
- PM** : *Yalah* [iyalah].



**FA : Sebelum itu, macam tadilah bagi tahu nama, Pak Mat tidak ingat ke, saya Fazil, ini Fathi.**

**PM : Fathi, Fazil, Fathi.**

**FA : Saya panggil Pak Mat tidak mengapa ke?**

**PM : Tak apa [tidak mengapa].**

**FA : Tidak mengapa? Ayah Mat saya terbiasa Pak Mat, kan.**

**PM : *Takpo, takpo, takpo, takpo* [tidak mengapa, tidak mengapa, tidak mengapa, tidak mengapa].**

**FA : Tidak mengapa, kita mulakan soalan yang pertama lah, kiranya Pak Mat jawab, jawablah ikut, ikut Pak Mat lah hendak jawab macam mana, hendak terangkan ke, hendak terangkan itu. Kiranya awal sekali ini, boleh tidak Pak Mat cerita latar belakang Pak Mat?**

**PM : Latar belakang (Pak Mat terfikir seketika)?**

**FA : Apa dia, nama tempat lahir, Pak Mat punya akademik Pak Mat.**

**PM : Pak Mat lahir pada tahun *sembilan belas empat puluh enam* [1946] sebenarnya, *tapi* [tetapi] setelah di- apa dia, setelah sampai ke darjah *enam* [6] sekolah melayu itu, Ayah Mat di- diberi peluang masuk *ko* [ke] sekolah inggeris, jadi Ayah Mat terpaksa kena buat surat sumpah.**

**FA : Surat sumpah?**

**PM :** Surat sumpah menggantikan surat beranak (suara budak kecil sedang bercakap), *tapi cara* [tetapi secara] kebetulan, arwah Ayah Mat ini dia dapat usahakan, dapat sekeping surat beranak (suara budak kecil sedang bercakap), yang mana dia ambil daripada- seorang daripada penduduk kampung ini jugak lah. Yang nama sama, bin sama, maka di- ditukar ganti, maknanya orang yang memberi surat beranak tu ayah, (gangguan mikrofon) ayahnya Pak Mat ini, dia usaha cari, *gi* [pergi] buat ganti *ngan* [dengan] dia. *Tapi* [tetapi], dengan nama lain lah.

**FA : Nama lain?**

**PM :** Nama lain. Pak Mat sebagai nama Muhammad @ Mat Bin Awang, dengan surat beranak dia itu, kebetulan sama, boleh lah masuk *ambik* [ambil] *periksa Special Malay* [peperiksaan khas Melayu], dulu.

**FA : Special Malay?**

**PM :** *Special Malay* [khas Melayu] dia, dia *betulan* [Kebetulan]- ta, apa ini, tahun itu tahun yang *ko* [ke], yang *ko* [ke] *dua* [2] akhir dapat peluang mengambil peperiksaan *Special Malay* [khas Melayu] itu, Ayah Mat boleh *ambik periksa* [ambil peperiksaan] itu, boleh menyambung pelajaran di Sekolah Inggeris *Tumpat* [Kelantan]. Jadi, dengan surat beranak *tulah* [itulah], gunanya, seterusnya sehingga hari ini. Guna dengan tarikh muda. *Tahun sembilan belas empat puluh Sembilan* [1949].

FA : ***Empat puluh Sembilan*** [49], asal lagi?

PM : Asal sunah *empat puluh enam* [46]. Jadi, sehingga *ko* [ke] hari ini, Ayah Mat dapat pendidikan di Sekolah Inggeris itu, sebagai, boleh dikatakan sebagai orang pertama Kampung Periuk ini pergi belajar di Sekolah Inggeris, dapat pendidikan bahasa Inggeris. Kampung Periuk *nyo* [nya] lah. Luar *nu* [sana] ada lagi, orang lain ada jugak. Dalam kampung ini, satu- satunya pelajar pertama (Pak Mat ketawa) boleh pergi *ko* [ke] aliran Inggeris. *Tapi* [tetapi] takdirnya tidak, tidak tercapai. Ayah Mat telah gagal dalam peperiksaan dipanggil- apa tu?

FA : **SRP [Sijil rendah pelajaran]?**

PM : Cambridge. Senior Cambridge. Tahun *sembilan belas enam puluh* [1960], (bunyi lori) apa itu, *enam puluh tiga* [63] LCK hingga *enam puluh empat* [64] (suara budak kecil sedang bercakap dan bunyi pinggan mangkuk), *enam puluh lima* [65] (suara budak kecil sedang bercakap dan bunyi pinggan mangkuk), *enam puluh enam* [66] (suara budak kecil sedang bercakap dan bunyi pinggan mangkuk). *Enam puluh enam* [66] telah tamat (bunyi pinggan mangkuk), tamat dengan dapat (bunyi pinggan mangkuk) sijil pelajaran sahaja (bunyi pinggan mangkuk), *tak* [tidak] lulus.

FA : **Dapat sijil?**

PM : Dapat sijil (suara budak kecil sedang ketawa).

**FA** : **Yang tadi kalau dalam macam surat beranak Pak Mat itu, tempat asal Pak Mat dilahirkan, dekat mana?**

**PM** : Kampung Periuk lah.

**FA** : **Kampung Periuk ini lah?**

**PM** : Kampung Periuk lah- (bunyi pinggan mangkuk) Kampung Periuk. Kampung Periuk Chabang Empat, *Tumpat* [Kelantan].

**FA** : **Asal sini?**

**PM** : Asal, tak pindah-pindah. Dan tak pernah memegang jawatan apa-apa (bunyi pinggan mangkuk). Dalam- dalam apa itu, jawatan kerajaan lah (bunyi pinggan mangkuk). Tak pernah. Hanya keluar sebagai (bunyi budak sedang berteriak) apa ini (bunyi pinggan mangkuk)- pekerja kampung, pekerja sendiri, apa ini- kononya berni, ber, ber apa ini, ber, ber- berhajat hendak menjadi seorang petani moden. (Pak Mat ketawa) (suara budak kecil sedang bercakap) kebetulan masa itu ada masuk jadi ahli Pertubuhan Peladang, dapat peluang pergi kursus pemandu traktor (bunyi lori) jadi (bunyi lori) serupa kira, cara-cara, tidak cara dulu lah, cara, cara tanam padi pun cara guna jentera pembajak lah, traktor itu. Tidak, tidak dengan lembu, *kuba* [kerbau] sepenuhnya. Jadi duduklah dengan keadaan sederhana lah. Dapat, dapat bekerja sebagai petani biasa. Cucuk tanam, tanam padi *gapo* [apa dia]. Tak keluar daripada kampung, duduk, duduk dalam kampung ini jugak. Pendidikan nya, itu *jelah* [sahajalah], lebih kurang.

**FA : Yang tadi itulah, yang Cambridge apa benda itu.**

**PM :** Cambridge pun lalu *jelah* [sahajalah], bukannya boleh, boleh istimewa *gapo dok* [apa benda tidak] lah.

**FA : Kiranya lepas Pak Mat jadi petani itu, ada lagi tidak pekerjaan yang Pak Mat pernah buat, dalam pejabat ke?**

**PM :** Semasa itu, diberi tawaran sebagai guru kelas dewasa, masa dulu, tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969]. *Sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] itu diberi, pernah *pegang* [menjadi] guru, dia panggil guru kelas *KLK* [Kelas Latihan Kerja].

**FA : Guru *KLK* [Kelas Latihan Kerja]?**

**PM :** Guru *KLK* [Kelas Latihan Kerja] itu dikira guru kelas latihan kerja, *KLK* [Kelas Latihan Kerja]. Di bawah Jabatan *KEMAS* [Kemajuan Masyarakat] *jugak* [juga] lah. Kemajuan Masyarakat. Daripada situ, boleh katakan duduk di bawah naungan *KEMAS* [Kemajuan Masyarakat] itu, sehingga berlarutan sampai *harini* [hari ini], ditukar sebagai, dia panggil *loni* [sekarang] dia ubah jadi pembantu penggerak masyarakat. Pembantu penggerak, penggerak ini, di bawah anjuran *KEMAS* [Kemajuan Masyarakat] *jugak* [juga], duduk sebagai guru Quran, duduk- jadi boleh lah itu terima elaun sebagai pembantu itu, dia *bui* [beri] elaun *tiga ratus* [300] sebulan. Itu *je* [sahaja] lah Ayah Mat duduk lebih kurang sederhana *bena* [sangat] lah. Nak kata miskin pun, boleh makan. Bolehlah.

- FA : Kiranya berapa lama Pak Mat jadi pembantu?**
- PM : Pembantu daripada dulu? Daripada tahun *enam puluh sembilan* [69] itu *KLK* [Kelas Latihan Kerja] dulu. Jadi, sampai *ko harini* [ke hari ini], dia tengah-tengah itu, diberhenti sebentar. Masuk tahun, *tak* [tidak] silap, tahun *dua ribu dua* [2002] baru mula balik sebagai pembantu (suara budak tengah berteriak). Sampai *ko harini* [ke hari ini] lah.
- FA : Hari ini pun jadi?**
- PM : Pembantu lagi. Pembantu masyarakat.
- FA : Tadi soalan latar belakang itu saya rasa, Pak Mat sudah boleh jawab, boleh dikatakan keseluruhan soalan sudah.**
- PM : Nak *detail bena* [terperinci sangat] itu, *dok* [tidak] *jugak* [juga] lah. Ringkas-ringkas lah itu.
- FA : Kiranya untuk soalan kedua ini boleh tidak Pak Mat cerita sikit pasal, tadi itu kiranya latar belakang Pak Mat apa semua lah, macam mana Pak Mat dilahirkan, kiranya ini boleh tidak Pak Mat cerita serba sedikit pasal keluarga Pak Mat?**
- PM : Keluarga? Keluarga Pak Mat *nyo* [nya], keluarga sederhana *jugak* [juga]. Hidup sebagai petani *jugak* [juga]. Disebut sebagai kerja, kerja sendiri, kerja kampung. Kerja kampung. *Nane* [tanam], bersawah padi, *loni* [sekarang], (suara budak

bercakap) *apo nih* [apa ini], (suara budak bercakap) sebelum ayah, ayahnya Pak Mat meninggal itu, dia- dia pun hidup sebagai petani masa, dulu, macam tanam tembakau, jagung, kacang, timun lah. Sayur-sayuran, *pah sapa ko* [lepas itu sampai ke], apa ini, tanaman jangka panjang *sikit* [sedikit] lah, *gi* [pergi] lah *ko* [ke] pisang. Pak Mat pun sebelum ini ada buat, tanam lada, tanam jagung, akhir sekali, berasa tubuh *tak, tak* [tidak, tidak] segar *doh* [dah]. (bunyi kenderaan dan suara budak) Buat apa ini, tanam pisang *jah* [sahaja]. Tanam pisang boleh *gi ambik* [pergi ambil]- *ambik* [ambil] buah pisang sebagai belanja dapur, itu *jo* [sahaja] lah. Hidup secara sederhana *bena* [sangat] lah.

**FA : Sederhana. Kiranya Pak Mat mula kahwin, mula berkahwin umur berapa?**

**PM : Umur Ayah Mat dalam *dua puluh* [20]. *Dua puluh dua* [22] *gitu* [begitu] lah. Masuk, masuk *dua puluh dua* [22], *dua puluh satu* [21], *dua puluh dua* [22].**

**FA : Boleh tidak Pak Mat cerita sikit, nama setiap ahli keluarga Pak Mat ini, kiranya Pak Mat ini ada, isteri Pak Mat ini nama apa, lepas itu berapa jumlah cahaya mata Pak Mat, apa semua, nama setiap seorang itu?**

**PM : Nama isteri Mek Som Binti Lah. Pak Mat kahwin, kira dia bekas isteri orang *dah* [sudah], dia kira janda lah. Pak Mat (suara budak tengah bercakap), orang panggil *gapo* [apa benda]? *Tak* [tidak] kahwin lagi itu? Duda. Pak Mat bujang, dia- dia janda, tapi, dia janda *tak* [tidak] ada anak lah. Kahwin- dikira dia lah orang yang pertama dan seke, sampai ke kini, dapat anak *empat* [4] orang. Anak**

pertama tah, lahir pada tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969], tahun *enam puluh sembilan* [69]. Anak kedua tahun *tujuh puluh empat* [74], *laki-laki* [lelaki] kedua. Pertama pun *laki-laki* [lelaki], kedua *laki-laki* [lelaki], ketiga-  
Kak Za tahun berapa? Tahun *lapan puluh* [80] kan? (anak perempuan Pak Mat bercakap) Kak Fiza tahun *lapan puluh* [80]? (anak perempuan Pak Mat bercakap) Kak Fiza tahun *lapan puluh* [80] *deh* [betul tak]? lahir (anak perempuan Pak Mat bercakap). Yam? Yam? tahun *lapan puluh* [80], *lapan puluh* [80]? (anak perempuan Pak Mat bercakap), *lapan puluh tujuh* [87], itu lah

**FA : Yang tadi, isteri Pak Mat itu, Mek Som itu, memang.**

**PM : Mek Som.**

**FA : Nama asal ke atau nama panggilan?**

**PM : Nama asal.**

**FA : Nama asal? Mek Som Binti?**

**PM : Binti Lah. Ringkas *jo* [sahaja] (Pak Mat ketawa). Adik dia Abdullah. Nama, nama Ayah *tak* [tidak] serupa- di, di, di, apa ini, dibuat surat beranak *ajo* [sahaja] lah. Orang yang sama, Abdullah dengan Lah itu pun. Tapi, di, di, sebut dalam surat beranak dia itu, Mek Som Binti lah, adik dia Che Awang Bin Abdullah. Jadi itu lah keluarganya, Pak Mat ada *empat* [4] orang anak, *dua* [2] laki-laki [lelaki], *dua* [2] perempuan.**



**FA : Dua lelaki, dua perempuan. Kahwin semua dah?**

**PM :** Kahwin *blako* [semua], dah *loni* [sekarang] telah mendapat *sepuluh* [10] orang cucu. (anak perempuan Pak Mat bercakap kepada Pak Mat tentang mempunyai 9 orang cucu sahaja) *Sembilan* [9] orang? Abang Aril *dua* [2], abang Yi *tiga* [3], kak, kak *tiga* [3]. *Sembilan* [9] (Pak Mat ketawa), *tak* [tidak] ingat la cucu (Pak Mat ketawa).

**FA : Ingat anak, anak bongsu Pak Mat umur berapa sekarang? Kak Fiza la.**

**PM :** (bunyi benda jatuh) Azi, Azian (anak perempuan Pak Mat bercakap).

**FA : Azian. Kiranya Pak Mat buat Dikir Laba ini, mana Pak Mat mendapat inspirasi \_ \_**

**PM :** Pak, Pak Mat dap, daripada nenek lagi. Asal-silahnya, nenek ini seorang tokoh Dikir, dia panggil Dikir Rebana.

**FA : Dikir Rebana?**

**PM :** Dikir Rebana ini tadi la, maksudnya dia, rebana itu, rebana besar, Dikir itu di hari majlis perkahwinan, mana-mana ada majlis perkahwinan, di rumah orang kahwin itu, dia kumpulan dia itu, lebih kurang- *enam* [6] atau *pun* [juga] *lapan* [8] orang *jah* [sahaja]. Tak ramai. *Ju ngusung* [yang mengangkat] rebana *dua* [2] orang, *pok* [orang] Dikirnya *enam* [6] orang misalan, jadi *lapan* [8] ataupun kalau orang Dikir *lapan* [8], orang *ngusung* [mengangkat] *dua* [2] orang kena

*ambik* [ambil] kira *jugak* [juga]. Dia penat, orang *ngusung* [mengangkat] itu berat. Jadi, nenek itu, nenek sebelah ayah, boleh, nenek ini dapat anak perempuan, boleh *ko* [pada] ayah itu, *laki-laki* [lelaki], dia dapat anak, cucunya *dua* [2] orang *jugak* [juga]. Nenek dapat cucu *dua* [2] orang, abangnya arwah ayah Pak Mat lah. Nama Awang, *ambik* [ambil], apa ini, terima *saka* [pusaka] nenek ini sebagai *Tok Joro* [ketua kumpulan] Dikir Rebana, cucu ini boleh jadi *Tok Joro* [ketua kumpulan] Dikir, Dikir Laba. Jadi, daripada arwah Ayah, Ayah Pak Mat ini jadi *Tok Joro* [ketua kumpulan], Pak Mat ini pun di asuh atau pun di, di, didik, *doh* [dah] hari-hari *dok* [duduk] dengar dia duduk berlatih *gapo gini* [apa benda begini], terlekat la apa- apa *hok* [yang] dia *dok* [duduk] buat itu, ini secara *tak* [tidak] langsung, jadi seolah-olah dengan sama dengan pembawakan dia lah. Jadi Tok Jor, *Tok Joro* [ketua kumpulan] itu tidak, tapi tahu *caro* [cara] (Pak Mat ketawa) Dikir itu lah.

**FA : Tahu cara?**

**PM :** Dikir Laba lah. Silahnya Dikir Laba itu, Pak, Pak Mat sebagai tukang jerit. *Supo* [serupa] kanak-kanak *kecik* [kecil] tadi.

**FA : Yang ada dua tengah tadi?**

**PM :** *Hok* [yang] *dua* [2], *dua* [2] tengah itu. Itulah lag, *caro* [cara] masa dulu *nyo* [nya], duduk *caro* [cara] duduk *jo* [sahaja], *tak* [tidak] berdiri *supo hok* [serupa yang] belakang itu kan. Itu dulu-dulu *mulonyo* [bermulanya]. Dia duduk, *likung*

[mengelilingi] bulat *gitu* [begitu]. Kipas ini sekadar, apa itu, sebag, sebagai-mengaya ren, rentak-rentak lagu. *Kalu* [kalau] lagu *caro* [cara] cepat itu, dia *wat* [buat], tunjuk cepat sikit itu. Jadi Dikir Laba itu, masa dulu-dulu lagi, apa ini, sebagai tukang jerit. *Sapa ko* [sampai ke] besar, *sapa ko* [sampai ke] dewasa, ikut *sokmo* [selalu].

**FA : Kiranya waktu Pak Mat jadi tukang jerit tu, umur berapa?**

**PM :** Umur- kalau *tak* [tidak] silap *gak* [juga], dalam lingkungan *tujuh* [7], *lapan* [8] tahun lah. Masa itu kenderaannya *takdo* [tidak ada]. *Gi* [pergi] situ, sini itu, *nak gi* [hendak pergi] Dikir itu, naik dukung mak. *Hok* [yang] kecil pada ini. Tidak, tidak *baso* [serupa] tubuh besar *gini* [macam ini]. Jadi mak dukung *rot* [larat] lagi lah. *Sapa ko* [sampai ke]- sekolah, habis sekolah pun, arwah ayah ini ada lagi. Dalam lingkungan *tahun sembilan belas* [19]- (suara budak kecil) *sembilan belas enam puluh* [1960] berapa? Di antara *enam puluh lima* [65] dan *sapa ko* [sehinggalah ke] *enam puluh* [60], *sembilan ratus tujuh puluh* [970] itu, (suara budak kecil) situ- perkembangan besar. Boleh dikatakan setiap kampung ada Dikir Laba (suara budak kecil). Jadi semakin berkembang lah. Pasukan-pasukan setiap kampung itu *tak* [tidak] kurang daripada *empat puluh* [40] orang. Dia masa dulu ramai. Tak guna *speaker* [pembesar suara] ini. Itu yang *nak* [hendak] guna ramai *soro* [suara]. *Soro* [suara] kuat denga, dengan *soro* [suara] asal. Tak kurang daripada *tiga puluh lima* [35] sampai *empat puluh* [40]. *Empat puluh* [40] lebih pun ada. *Empat puluh satu* [41], *empat puluh dua* [42], *gitulah*

[beginilah] lebih kurang. Jadi Dikir punya Dikir, tahun sampai tahun akhir-  
*tahun tujuh puluh* [70]- *tujuh puluh dua* [72], *tujuh puluh* [71], *tujuh puluh dua*  
[72], marilah kumpulan anak angkat terdiri daripada Uiniversiti Malaya,  
uiniversiti Kebangsaan, apa lagi- Institut dulu panggil *deh* [kan], Institut  
MARA- mari berkampung sini tahun *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972].  
*Dua puluh* [20] orang *tak* [tidak] silap. *Dua puluh* [20] orang- anak angkat.  
Kehidupan sebagai seorang petani lah, bukan pekerja buruh *ko* [ke] apa,  
tidaklah. Petani itu, daripada tahun yang disebut orang hari kedatangan anak-  
anak angkat di universiti itu, bermula daripada situ kita di kampung ini sebagai  
dirintis menjadi sebagai penanam kelompok dimana kita dibawah anjung  
pertanian-pertanian kadar dengan padi dianya pertanian dengan tanaman-  
tanaman (gangguan bunyi). Tanam ini la, jangka pendek ini. Timun, kacang,  
sayur-sayur, terung, lada *gapo* [apa] itu. Kita berkelompok, kampung ini sini,  
dalam *sepuluh* [10] orang, kampung seberang juga dalam *sepuluh* [10] orang  
berkumpul menanam sebagai kelompok. Kelompok ini kelompok kacang,  
kelompok ini kelompok timun, kelompok ini kelompok lada, terung. Jadi tidak  
bercampur aduk, contoh macam *mu, mu* [dia, dia] aku aku, tidak. Kira serba  
hendak menghasilkan hasil pertanian yang boleh membanitu kehendak-  
kehendak pasaran, mengikut pasaran. Bermula daripada situ, boleh katakan  
(bunyi motosikal) ada campur tangan dibawah pertubuhan peladang. Pertubuhan  
peladang sini bergerak serentak, gerak sama menggabung. Pertubuhan peladang  
menghasilkan, atas pengendalian tanah *gapo* [apa], hendak *gala* [bajak] *gapo*

[apa]. Pertubuhan peladang urus anak benih apa begitu begini. Pertanian bawa masuk, bergabung *dua* [2] itu. Dapatlah, orang kampung ini menghasilkan. Pak Mat juga jadi salah seorang daripada penggiat, pesertalah, peserta dalam pertubuhan peladang dan pertanian kelompok. Kalau tidak silap ingat, tahun mula-mula itu dulu kuat dengan tembakau. Serupa orang *Bachok* [Kelantan] lah, orang *Bachok* [Kelantan] yang kuat menuainya. Sini tembakau campur sayur-sayur, jadi yang mana kuat tembakau, tinggal sayur, mana buat sayur tidak buat tembakau, jadi berbelah bagi. Kebetulan, tembakau boleh katakan berakhir pada tahun awal, *dua ribu dua* [2002] kalau tidak silap atau dalam awal tahun *dua ribu* [2000]. Jadi, pihak *Lembaga Tembakau Negara* [LTN] serba ambil alih cari benih jagung, jagung-jagung manis. Jagung manis itu dikeluarkan oleh *Lembaga Tembakau Negara* [LTN] lah. Bawa *tubik* [keluar] sebagai *input* [pemasukan]. *Input* [pemasukan] itu baja, benih, racun semua bawah *Lembaga Tembakau Negara* [LTN]. Lepas pada itu, (gangguan bunyi) timbul pasal lada kulai, lada buat cili sos apa itu, cili sos, buat lada kering. Pertubuhan pula, pertubuhan peladang pula ambil peranan pergi cari benih lada itu, bawa mari kepada petani-petani sini, dapat bantuan benih- (bunyi motosikal), benih lada, racun apa semua sekali. Dia beri dibawah pertanian punya kelompok itu juga, dapat menerima bantuan lebih kurang *sepuluh ribu* [RM10,000] seorang.

**FA** : **RM10,000 dalam masa berapa lama?**

**PM** : Kira untuk *crop* [menuai], pertama kedua lah kira setahun itu boleh *dua* [2] kali,

*dua* [2] musim. Jadi anak pertama, (bunyi motosikal) dia keluar yang pertama mulanya jadi sekali dengan pam air, baja, racun untuk (bunyi motosikal) *dua* [2] musim. Jadi jumlah-jumlah yang boleh dikatakan sebagai pinjaman jugalah, tetapi dia beri bukan untuk bayar balik, cuma boleh buat itulah, buat bayar balik dengan hasil buah lada. Kira mula-mula serupa kata dia ambil semua hasil itu pasal dibawah dia. Akhir-akhir itu hasil tidak memuaskan sebab tanaman yang pertama musim, *crop* [menuai] pertama itu kita buat dalam musim rapat ke *bah* [banjir] dulu bulan *sebelas* [11], baru boleh menanam.

**FA** : Itu untuk yang pertama itu?

**PM** : Yang pertama, *pah* [lepas itu] hendak masuk yang kedua itu, yang ini *kandas* [terkandas] jadi hal yang kedua itu kurang sambutan (bunyi motosikal), sudah *kandas* [terkandas] yang pertama itu. Dalam tidak kurang daripada *dua puluh* [20] orang rasanya tanaman kelompok lada itu pada tahun *dua ribu lima* [2005] tidak silap. Tadi jagung *pah* [lepas itu] lada, lada ini musim yang pertama dia tidak ada musuh, masuk hendak masuk musim kedua akhir-akhir itu marilah serangan serangga, dia panggil, kesing merah, tikus juga makan buah, lada (bunyi motosikal), kesing merah itu dia serang *sa* [sekeping] dalam keping pertama itu dia makan jarak-jarak pohon yang baru. Akhir-akhir itu dia *gi ko sebutir* [pergi ke satu] bendang, semua ada tetapi *tokde* [tidak sempat] hendak sembur racun.

**FA : Kiranya Pak Mat jadi petani sampai sekarang ini kiranya? Sekarang ini buat lagi?**

**PM : (Pak Mat ketawa) Sekarang ini itu jadi.**

**FA : Tidak buat sudah?**

**PM : *Dok* [tidak], buang-buang pisang**

**FA : Kiranya petani itu bekas?**

**PM : Bekas lah, bekas petani**

**FA : Petani itu untuk dapat sumber pendapatan la?**

**PM : (gangguan bunyi) Sumber pendapatan lah, tidak ada *moga* [benda] lain daripada pertanian, memang latar belakang pertanian.**

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: ASAL USUL DIKIR LABA

**FA** : Kalau untuk Dikir Laba ini Pak Mat, dari segi asal-usul dia itu macam dalam Kelantan, kiranya tempat mana yang mulakan dulu Dikir Laba?

**PM** : Tidak tahu *silah* [usul] itu, Pak Mat besar sudah. Tahu-tahu kata cerita arwah ayah la, dia ambil daripada salah seorang daripada tok guru dia itu nama Haji Hassan, duduk di *Wakaf Bharu* [Kelantan]. Rakan-rakan dia ini semasa itu, berkembang di seluruh, boleh katakan seluruh.

**FA** : Seluruh negeri Kelantan?

**PM** : Sampai *Wakaf Bharu* [Kelantan] kita ini *tubik* [keluar] ke *alah* [hala] *Pasir Mas* [kelantan], lepas sebelah *Tanah Merah* [Kelantan], Kampung Jejawi, masuk *Tanah Merah* [Kelantan]. Itu sahaja lah yang mana Pak Mat pernah pergi, pergi buat masa dulu banyak pertandingan lah, pertandingan daripada kampung ke kampung ini biasa sahaja. Di sini boleh katakan, *empat* [4] hingga *lima* [5] buah kampung ini masing-masing ada pasukan. Contohnya Kampung Periuk ini *sa* [satu] pasukan pada tempat asal rumah *Tok Joro* [ketua kumpulan] tadi *sa* [satu] pasukan. Lepas itu dekat dengan dia itu Bunut Sarang Burung *sa* [satu] pasukan. Dekat dengan Bunut Sarang Burung itu Morat, *sa* [satu] pasukan, turun mari (bunyi kenderaan) Kubang Batang *sa* [satu] pasukan, Kampung Terliar, Kampung Terliar di Bunut Susu *sa* [satu] pasukan. Tiap-tiap buah kampung ada.



**FA : Tiap-tiap buah kampung ada pasukan.**

**PM :** Bawah *Wakaf Bharu* [Kelantan] ataupun *Tumpat* [Kelantan], *kot* [melalui] Keli, *Tumpat* [Kelantan] juga.

**FA : Siapa awal-awal cipta Dikir Laba ini?**

**PM :** Tadilah macam arwah atuk ini, rumah arwah ayah Pak Mat belajar daripada tok guru asal itu *Wakaf Bharu* [Kelantan]. Tok Guru Haji Hassan itu belajar dengan Tok Guru Haji Lah Bunut Sarang Burung, Chabang Empat juga, dekat-dekat tengah jalan lalu tadi. Jadi di sekitar *Wakaf Bharu* [Kelantan] juga ataupun *Pasir Mas* [Kelantan], luar daripada *Pasir Mas* [Kelantan] itu, tadi lah *Tanah Merah* [Kelantan] itu. Yang sini, yang *Wakaf Bharu* [Kelantan] asal itu tidak tahu asal dia ambil daripada mana.

**FA : Kiranya untuk nama Dikir Laba itu, bagaimana asal usul nama itu?**

**PM :** Laba, Pak Mat juga tidak boleh hendak kisah juga itu, takut dia ambil dari perkataan-

**FA : Labah-labah?**

**PM :** Labah-labah itu, tidak boleh hendak *skor* [katakan] juga itu, labah-labah atau labai-labai. Pasal yang mari daripada *Arab* [Arab Saudi], Arab ini Arab Parsi. Arab Parsi itu sekali dengan Islam masuk ikut *Melaka* [Malaysia] ataupun *Aceh*

[Indonesia]. Sebab *puak-puak* [kumpulan-kumpulan] *Tok Joro* [ketua kumpulan] asal itu kebanyakan orang pedagang-pedagang, pedagang Arab. Mari *kot* [melalui] *Aceh* [Indonesia]. Datuk Haji Ahmad Mahel juga orang yang *puak-puak* [kumpulan-kumpulan] pedagang juga masuk ikut Kampung Banggol.

**FA : Kenapa kebanyakan rakyat Kelantan tidak tahu pasal Dikir Laba? Selalunya orang tahu Dikir Barat.**

**PM :** Cetusan, sebab dia kira tidak, tidak jadi kegemaran biasa, hanya pada masa tertentu itu tidak ada pertandingan untuk merebut satu-satu piala, hanya sebagai meraikan majlis ataupun boleh katakan tujuan asalnya untuk menarik minat ataupun hendak mengumpul orang sebagai mencari satu kedamaian ataupun menarik minat sebagai hendak mengumpul lah, hendak mengumpul ataupun hendak menyatupadukan orang. Kisah sebelum ini boleh katakan dia sebelum perang dulu dan semasa perang selepas perang dia darurat, tidak boleh hendak perhimpunan sebebannya (gangguan bunyi), dia hanya boleh berkumpul sekadar hendak buat majlis tahlil ataupun majlis kesyukuran, menikah kahwin. Itulah pengumpulan yang dibenarkan, tidak bebas. Maka dengan daya usaha orang-orang dulu, orang tua dulu, tidak lain tidak bukan untuk “*mencreate*” [membuat], hendak cetus *satu* [1], lepas itu hendak biakkan lagi itu dengan daya itu la, daya usaha hendak mengumpul orang itu, satu-satu majlis daripada majlis sebenar hendak pergi kepada majlis untuk ramai sedikit. Dia daripada katakan selawat, lepas selawat itu ada sedikit sebanyak kasidah untuk mengalunkan

suara supaya minat orang itu tidak jadi sunyi (bunyi motosikal), dia cuba sebagai hendak menarik, menarik minat hendak menyatupadukan orang itu berhimpun, hendak berhimpun ramai. *Tubiklah* [keluarlah], macam Dikir Laba ini satu-satunya boleh mengambil peluang hendak berhimpun ramai itu. Sudah kumpulannya tidak kurang daripada *tiga puluh* [30] hingga *empat puluh* [40], jadi yang kumpulan tua muda juga maknanya bercampur gaul lah, boleh lah berhimpun secara itu. Bukan hendak buat huru-hara apa, hendak berhimpun sebagai hendak menghilangkan penat lelah kerja petani, *cedung* [kerja kampung] masa dulu. Jadi hendak berhimpun satu-satu malam itu “Ha, ini hendak pergi dikir lah”. *Tubiklah* [keluarlah] dikir.

**FA : Selain daripada minat, dia boleh katakan macam hobi juga lah.**

**PM :** Hobi lebih kurang lah. Dikir Laba ini kalau tidak ada minat serta cuba hendak tahu juga isi kandungan kata-kata itu tidak akan tercapai lah. Sebut dalam dikir itu tidak sepertinya yang ada yang boleh *kelih* [tengok] boleh tengok serupa Dikir Barat ini, Dikir Barat itu boleh tarik minat, suka, sentuh menyentuh, ini hanya keluar suara hilangkan penat lelah, hilangkan sunyi, jadi boleh orang kata *pelepas angin* [penghilang bosan], *pelepas angin* [penghilang bosan] ini macam “Haish, rasa *dok sekat* [tengah tersekat], hendak *laung deras* [jerit sekuat hati]”, jadi habis suara tadi, jadi hendak buang *stress* [tekanan]. Dia gaya rentak tadi kan, yang sebutan perkataan selingan, macam kata-kata perangsang untuk semangat.

- FA : Sepanjang bergiat dalam Dikir Laba ini, apa pengiktirafan yang Dikir Laba ini dapat? Maksudnya pengiktirafan dari segi dari kerajaan atau dari mana-mana, macam pencapaian.**
- PM :** Pencapainnya setelah dikumpul pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998], kita dijemput ataupun diminta bawah *Kementerian Belia & Sukan* [KBS] berhimpun semua penghulu-penghulu ataupun wakil masyarakat berhimpun di Pasir Mas, buat mesyuarat cara menyeluruh juga lah, seluruh Kelantan dijemput, seluruh Kelantan, siapa lagi ada pasukan-pasukan Dikir Laba yang bergiat, masih bergiat. Jadi tahun *sembilan belas sembilan puluh lapan* [1998] itu dijemput, boleh mengumpul seramai *lapan* [8] pasukan. Itulah mula-mula timbulnya setelah lama, boleh katakan sebelum itu la, tahun *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972] itu la, kira berhentinya. Tahun *tujuh puluh an* [70an] itu rancak sehingga akhir *lapan puluh an* [80an] sampai ke *sembilan puluh lapan* [98] ini baru naik pula, berhimpun pula la, jadi *sohor* [terkenal] pula. Pak Mat dijemput sebagai mewakili pasukan Pak Mat ini, berkumpul (gangguan bunyi) cuba cari kerjasama siapa-siapa boleh cari pasukan-pasukan yang ada, untuk berhimpun. Berhimpun itu boleh *lapan* [8] pasukan, buatlah pertandingan situ dengan adanya ahli jawatankuasa, pengadil itu, pengadil Dikir Laba ini. Mengadili selama *dua* [2] malam, baru boleh habis, sudah *empat* [4] pasukan *satu* [1] malam, *dua* [2] pasukan satu pertandingan, lepas itu naik pula *dua* [2] pasukan sampai pukul *dua belas* [12] habis. Habis *dua* [2] malam itu, pengadilan dapat beri keputusan, pasukan Pak Mat la

johannya. Daripada situ, bergeraklah sampai seterusnya tahun sampai tahun *dua ribu* [2000] iaitu berakhir pada tahun *dua ribu enam* [2006] kalau tidak silap, di *Pasir Mas* [Kelantan] juga. Yang mula itu di Sekolah Kebangsaan Tendong, *Pasir Mas* [Kelantan] la, yang kedua buat di Mini Stadium *Pasir Mas* [Kelantan], pertandingan pula, boleh *sembilan* [9] *puak* [kumpulan], *sembilan* [9] pasukan, naik *sa* [satu] pasukan. Masa dia dulu juga ketinggalan (gangguan bunyi), baru mari lapor diri hendak bertanding (gangguan bunyi). Pada *dua ribu enam* [2006] itu, secara besar-besaran la, boleh katakan pengarah sendiri mari, pengadilannya secara teliti sedikitlah. Dia minta, dia minta markah-markah ini untuk apa dia kata, kita juga bahagian kumpulan ini buat cadangan masing-masing, dia ada *empat* [4], *empat* [4] peringkat, dipanggil peringkat mula ini dipanggil suara “latar”, lepas itu suara “angkat”, angkat ini sebagai pengantar, latar itu duduk biasa, naik sedikit dia hendak mengatar hendak naik ke jerit tadi, dia panggil suara pengantar. Setelah pengantar naik, disambut oleh orang suara tinggi itu, “pucuk”, jerit itu. Daripada pucuk turun ke penyambut, hendak turun ke latar semula, dia ada *step* [peringkat], *tiga* [3] *step* [peringkat] naik *tiga* [3] *step* [peringkat] turun, duduk paras biasa la. Jadi yang ini diberi markah *dua puluh* [20], pakaian juga dia beri *sepuluh* [10] markah. (Pak Mat ketawa)

**FA** : Setiap ahli, macam mana dia punya pakaian itu?

**PM** : Tengok dalam gambar itu (menunjuk ke arah gambar), ada pakai *vest* [jaket], *formal* [rasmi] juga lah.

Itulah kajian dibuat, suara latar, pengatar, pucuk ataupun jerit, lepas itu penyambut. Penyambut turun ke latar. Tetapi hendak naik tangga itu tangga pertama dua tiga, lepas itu turun ke empat, lima pulak.

**FA : Kiranya untuk satu-satu persembahan yang rasmi untuk Dikir Laba ini kan, kiranya untuk sebelum mula persembahan dan selepas, aktiviti yang macam mana kena buat? Untuk persembahan rasmi.**

**PM :** Persembahan rasmi, dia tadi naik ke peringkat yang kedua sudah itu, mula dengan “*soalto*” (lirik Dikir Laba) itu dia panggil pembukaan suara, persembahan pertama itu pengenalan diri, dia panggil lagu ucapan, ucapan yang mengenali diri pasukan, persembahan ucapan permulaan kata. Kita mula dengan Bismillah, boleh katakan satu-satu persembahan ataupun ucap kata yang bermula dengan Bismillah dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi mengasihani, dia ucap begitu lah. *Tokde* [tidak sempat] hendak sebut tadi pasal orang masing-masing sudah lewat, kalau sampai awal dalam pukul *sepuluh* [10] mungkin sempat. Ucapannya berbunyi (Pak Mat demonstrasi). Ini kata-kata pengenalan untuk ucapan terima kasih ataupun pergi kepada persembahan ini kita sesama kita ini menyambung, penyambung silaturrahim dan selepas selesai bermaaf-maafan sepuluh jari disusun kami pohon ampun. Itulah macam kata setelah kita mari ini bukan hendak tunjuk apa, hanya hendak mengembangkan ataupun hendak mengiyakan kesenian ini. Adalah ucapan itu memang dia sebut begitulah. Lepas itu kita pergi kepada dalam persembahan kita, dalam dikir kita

itu ada kekasaran lepas itu dipohon ampun sekiranya ada kesilapan, sepuluh jari kami memohon ampun, minta maaf begitu begini, selepas persembahan masing-masing bersalaman-salaman lah. Minta maaf. Memang pernah berlaku keadaan kita duduk dalam begitu itu, masing-masing meluahkan (bunyi motosikal), dia terjadi masa dulu pernah sampai ke tidak keluar suara, keluar angin, tidak keluar suara. Itu dipukau macam mana tidak tahu lah caranya, ada lah, dia macam-macam mainan ini, mainan juga itu kiranya, tapi dalam hal gitu dia ada “aku hendak lebih yang puak aku, dia hendak pertahankan yang dia”, masing-masing ada tapi Alhamdulillah pasukan Pak Mat tidak kena keadaan macam itu, terlepas. Sebab kita sebelum *satu-satu* [1-1] persembahan ataupun pertandingan akan dijalankan itu, kita bersiap sedia la. Pernah masa dulu, buat kenduri, buat nasi kunyit, ada bertih, buat secara serupa orang hendak *main puteri* [mainan tradisi] itu la, tetapi hakikatnya pulut kuning itu yang bahagian orang keturunan pesaing, puteri raja-raja. Jadi yang jaga kita ini, tidak lari daripada malaikat-malaikat yang sentiasa kita percaya, malaikat sentiasa melindungi ataupun menjaga sekeliling kita, jadi kita kena buat kira semua itu. Hendak hindar daripada kecelakaan, minta selamat, jadi sebelum turun masing-masing baca “*Qulhuwallah*” [Surah Al-Ikhlâs]. Sudah itu, turun itu, *turut kepala* [ikut ketua kumpulan] seperti kata Ayah Kod *Tok Joro* [ketua kumpulan] yang *kepala* [ketua] la, dia turun dulu, baru ikut (gangguan bunyi) kumpulan ini. Itulah cara persembahannya, kita hendak pergi kita buat persiapan, kita hendak naik bangsar juga kita minta berlindung daripada apa benda yang tidak di ingini.

Sebelum duduk minta doa, lepas itu baru buat ucapan tadi dengan Bismillah. Itulah kata-kata disebalik itu ada dengan, tidak ada dalam keadaan perasaan takbur, kita minta-minta jauh la. Dalam hal begitu juga, ini yang masa Pak Mat sudah, pernah orang yang niat tidak *molek* [baik], dia telah buat persiapan dalam bulan puasa lagi (bunyi motosikal), dalam puasa itu dia berlatih sudah, kumpulan Pak Mat tidak berlatih sebab puasa berlatih apa tidak *cekak* [larat]. Jadi masuk malam yang keempat selepas hari raya, pergi ke pertandingan. Pergi malam itu, (gangguan bunyi) dia dalam pertandingan itu mungkin dia ada niat tidak *molek* [baik], kebetulan *puak* [kumpulan] Pak Mat ini bersedia sudah dengan keadaan begitu. Terjadilah malam itu sampai ke dia naik *pucuk* [kemuncak lagu] itu *putus* [tidak boleh jerit], senyap, senyap itu hendak bawa turun tidak boleh, tidak ingat lagu. Mungkin lupa lirik dia itu, tidak boleh kata, tidak *tubik* [keluar]. Lepas itu, sudah dikir hendak bersalaman itu setengahnya masuk setengahnya *tubik* [keluar], tidak ikut, tidak menyeluruh. Khabar lepas sehari dua itu, *Tok Joro* [ketua kumpulan] dia mati. Wallahualam, pekerjaan Allah Ta'ala, dia sampai masa. Maknanya keadaan itu berlaku begitu, malam itu jadi *sero* [rasa] tidak *molek* [baik] la. Sudah *empat* [4] hari selepas puasa hendak dikir, hendak berlatih masa mana. Dia sungguh-sungguh la, sungguh-sungguh macam bersiap dia hendak berlatih hendak berlawan. Itulah pengalaman-pengalaman.



**FA : Tadi itu untuk sebelum pembukaan Dikir Laba, kalau untuk penutup Dikir Laba?**

**PM :** Penutup tidak ada sudah. Sudah dengan, serupa kata tadi. Lepas jerit itu, hujung itu, habis. Jadi tamatlah, habis la lagunya. Salam-salaman la, tidak dengar lagu sudah.

**FA : Idea lagu, siapa yang cipta lagu Dikir Laba?**

**PM :** Dulu, besar kemungkinan corong radio ataupun lirik-lirik syair orang dulu, dia dapat idea la. Ini salah satu daripada pencipta dulu la. Dapat itu daripada ilham ataupun kelebihan dia, serupa kata *Tok Joro* [ketua kumpulan] tadi juga, dia ada kelebihan dia, peringatan dia itu, tidak sama dengan yang lain-lain. Peringatan dia itu boleh katakan semua lagu ada dalam kepala dia ataupun air suara ataupun kelebihan suara masing-masing itu dia dapat menilai. Namun, dia berada tangga ini sahaja. Maknanya setakat hendak hantar naik. *Pucuk* [kemuncak lagu] tidak payah *tebeng* [berani buat], jerit tidak payah *tebeng*, *tokde* [berani buat, tidak sempat]. Dia tahu, kalau *tebeng* [berani buat] ataupun paksa juga suara itu, mesti *punah*, *tubik* [rosak, keluar] angin.

**FA : Dalam setiap persembahan rasmi, ada berapa lagu?**

**PM :** Dalam setiap persembahan panjang, pertandingan lah. Pertandingan sekarang ini lebih kurang *enam* [6] lagu, tidak banyak sebab masa singkat.

**FA : Daripada enam lagu, panjang setiap lagu?**

**PM :** *Lima belas* [15] minit lebih kurang. Kita ada masa pukul *sembilan* [9], *sepuluh* [10], *sebelas* [11], *dua belas* [12]. *Tiga* [3] jam. Maka bahagi kepada *enam* [6] tadi, *lima belas* [15] *lima belas* [15], setiap satu lagu itu dua kali ulang dalam pertandingan. Maknanya jadi *tiga puluh* [30] minit untuk satu lagu, maknanya kiri kanan masa yang ada itu *tiga* [3] jam (bunyi motosikal), kiri kanan, *lima belas* [15] *lima belas* [15], *tiga puluh* [30] minit. Satu lagu seorang, lagu kedua *tiga puluh* [30] minit pula, *satu* [1] jam sudah. Masuk yang ketiga, *tiga puluh* [30] minit pula, yang keempat baru sejam pula, yang kelima *tiga puluh* [30] minit pula, yang keenam *tiga puluh* [30] minit, cukup *tiga* [3] jam.

**FA : Setiap lagu Dikir Laba, ada hakcipta? Kiranya untuk setiap lagu itu, kumpulan yang cipta lagu itu sahaja kena guna, kumpulan lain tidak boleh guna.**

**PM :** Ya, jadi sumbang, suara dia tidak sama dengan yang asli, hendak cetak rompak tidak boleh. Kalau cuba sungguh-sungguh mungkin boleh tetapi mengikut atas latihan masing-masing.

**FA : Kiranya kalau kumpulan lain hendak pinjam lagu dari satu-satu kumpulan yang lain, boleh la atau kena minta izin dulu?**

**PM :** Itupun lagu-lagu tertentu sahaja, hanya lagu yang boleh ditukar ganti itu atas lagu pertama tadi, lagu "*soalto*" (lirik lagu Dikir Laba) tadi, dia ada lagu,

macam dulu lagu P. Ramlee kata “*fasolili*” (lirik lagu Dikir Laba), (Pak Mat demonstrasi nyanyian), itu yang kita bawa, ada setengah kumpulan itu (Pak Mat demonstrasi nyanyian), itu untuk setengah kumpulan, ada macam-macam. Itulah lagu-lagu yang dicipta masing-masing kumpulan, tadi cuma yang biasa kita guna. Untuk hendak melengkap dengan kipas tadi (Pak Mat demonstrasi nyanyian), seolah-olah berdirik sudah, seolah-olah lagu yang dikir sudah. Kita mula dengan “*soalto*” (lirik lagu Dikir Laba) baru, kita hendak tinggi itu tidak kisah la.

**FA : Bahasa apa lagu Dikir Laba guna?**

**PM :** Kita tahu lebih kurang yang mana orang tua-tua dulu, dia panggil berzanggi, berzanggi ini yang hendak selawat itu. Jadi cetusan daripada lagu-lagu itu la mari kepada Dikir Laba ini selepas selawat. Kita berzanggi, kita selawat, selawat dulu ini dia ada (Pak Mat selawat), *satu* [1] lagu, sekarang ini yang macam biasa (Pak Mat selawat). Bahasa itu ciptaan orang-orang tua dulu boleh katakan dia, sendi kata itu hendak sesuai dengan alunan. Perkataan kita ini boleh dengar baris depan ataupun diatas, contohnya (Pak Mat demonstrasi), “*soo*” (lirik lagu Dikir Laba) itu baris depan, “*aaa*” (lirik lagu Dikir Laba) itu atas, “*eee*” (lirik lagu Dikir Laba) tidak boleh masuk sebab dia tidak kuat. Jadi dia hendak sebut satu-satu lirik itu, perkataan itu, sesuai dengan suara yang hendak dikeluarkan disebabkan dulu tidak ada *speaker* [pembesar suara]. Jadi alunan suara itu hendak bagi dengar jauh, dia pisah kerana buat bangsal itu tinggi,

tinggi bangsal dulu lebih kurang pintu itu, tinggi pintu itu, bawah sampai ke atas. Tempat hendak naik Dikir itu kena pakai tangga. Panjat naik, naik duduk atas tinggi, sampai bergerak bangsal itu. Sudah pakat dikir kuat, kumpulannya ramai *empat puluh* [40] orang. Duduk atas bangsal tinggi itu, batang nibong, batang pinang sahaja dulu, guna atap sagu, atas daun *nyior* [kelapa], berlantai dengan buluh, hamparan buluh macam hampar tikar. Duduk itu macam duduk atas rakit, bergerak-gerak. Itulah usaha orang dulu, dia buat bangsal tinggi serta dengan dia hendak dikir bagi jadi kuat, hendak suruh orang jauh dengar, gunakan bahasa yang baris dengan baris atas sahaja, baris bawah tidak boleh guna. Reka perkataan untuk sesuaikan dengan lagu itu, itulah ciptaan yang pernah Pak Mat dengar, cerita arwah ayah Pak Mat ini.

**FA : Selawat benda wajib yang kena ada dalam lirik lagu?**

**PM :** Ya, kata-kata seolah-olah memuji-muji, kata-kata pujian. Memang (bunyi motosikal) dicari untuk tidak menyentuh perasaan siapa-siapa ataupun kata-kata yang boleh memberi semangat, memberi tunjuk ajar. Sebab asal kita ini hendak minta kepada perpaduan juga, seolah-olah sekarang ini, daripada dulu-dulu sampai sekarang ini terus hendak menyeru kepada perpaduan ataupun kedamaian. Tidak ada lain, tidak lari daripada tajuk asal juga. Persatuan diantara kampung ke kampung, diantara mukim ke mukim, sampai sini, mula ayah Pak Mat ini pergi padah orang Kampung Jejuluk di daerah *Bunut Susu* [Kelantan], mari hendak berfikir sini dan kita juga pernah dijemput pergi berfikir di atas

daripada *Bunut Susu* [Kelantan] lagi, daerah *Pasir Mas* [Kelantan]. Masa dulu jalan kaki daripada sini, sini *Kota Bharu* [Kelantan] naik *moto* [motosikal], *moto air* [bot berenjin] dulu. Lepas itu kalau pergi sebelah sini ke sebelah *Pengkalan Kubu* [Kelantan] jalan kaki juga, turut pantai. Jadi perhubungan diantara kampung ke kampung, daerah ke daerah, menyambung silaturrahim. Masa hala pergi itu gelap, tidak tahu kampung siapa, siapa yang duduk. Hala balik, orang kata “ehh *gapo* [apa] dia, tengok kopiah ada atas kepala, bukan orang cari lembu ini”, “ohh, baru *kelik* [balik] dikir itu”. Sudah masing-masing bawa botol air, botol air selasih. Biji selasih, telur ayam, lepas itu telur ayam itu letak nisan madu dalam itu untuk hisap telur putih, hisap telur putih untuk bawa keluar suara, dulu. Silaturrahim yang menjadi pokok pangkalnya. Tentang makna itu, buat alasan kata, kata-kata yang boleh mengeluarkan suara yang kuat, tinggi ataupun hendak tinggi dengan bunyian yang sebelah, bunyian baris atas ataupun baris hadapan kalau ikut mengaji bahasa Al-Quran. Bahasa Jawi, Al-Quran ini baris atas bunyi “aaa”, baris depan bunyi “buu”. “Buu” itu sebenarnya bunyi “Boo”, hendak kuatkan suara sebab itu bunyi “Boo”, “Soo” itu sebenarnya “Suu”, (Pak Mat demonstrasi nyanyian). Ubah bunyi itu semata-mata hendak bagi deras bunyi. Sebab asal Dikir ini tidak ada pembesar suara, itulah salah silah Dikir Laba. Maknya disebalik Laba itu, Wallahualam, kalau hendak dengar orang baca kitab sedikit ada “Labai, labai lah”, “Labaikallah”, “Lambai-lambai”, lambai ini juga kira logik juga, lambai-lambai maknanya “mari-mari, kita pakat berhimpun”. Itulah hasrat.

**FG : Pak Mat hendak tanya pasal ahli kumpulan Dikir Laba? Berapa ramai ahli kumpulan dalam Dikir Laba?**

**PM :** Pada masa dulu, tidak kurang dari *empat puluh* [40] orang dahulu. Sekarang semakin kurang, kalau diberitahu awal atau persiapan awal untuk satu-satu pertandingan itu, kita boleh cari dalam lebih kurang *dua puluh lima* [25] orang atau *tiga puluh* [30] orang, tidak lebih daripada itu.

**FG : Boleh disebabkan faktor umur?**

**PM :** Faktor umur juga ada juga, yang ada tadi juga kebanyakannya veteran. Umur *lima puluh* [50] ke atas kebanyakan, *empat puluh* [40] ke bawah tidak ada.

**FG : Peringkat umur Dikir Laba?**

**PM :** Umur itu, masa dewasa masuk umur *dua puluh* [20] tahun suara bertukar, orang kata suara beralih. Sebenarnya, ia atas masing-masing berdasarkan suara. Seperti suara Pak Mat masa umur *dua puluh* [20] macam itu, boleh menjerit dan boleh bersuara dengan nada tinggi lagi. Kaedah untuk mengeluarkan suara berdasarkan dengan cara masing-masing ataupun diatas ketahanan ataupun kebolehan seseorang itu tidak sama dengan cara masing-masing. Suara boleh diguna dengan kaedah dimana suara keluar habis-habisan, iaitu keluar tanpa sempadan, cepat habis. Jadi kita kena cari jalan untuk menjimatkan suara dimana ia sampai tahap yang dikehendaki. *Tok Joro* [ketua kumpulan] tadi, dia

bukan guna suara yang dia ada tetapi dia hanya menyesuaikan tahap suara supaya boleh orang lain sambung, tidak melebihi daripada suara yang orang lain ada tetapi suaranya boleh pergi lebih lagi, tetapi dia boleh sesuai. Masing-masing pandai menggunakan teknik, seperti Pak Mat cakap sekarang ialah suara kasar sedangkan tadi keluar suara lain, masa lagu lain. Boleh disesuaikan suara atau diubahsuai.

**FG : Ahli terdiri dari Dikir Barat?**

**PM :** Dia sini masa dulu, pernah orang tua dulu mula dengan Dikir Barat. Ada arwah ayah Pak Mat juga Dikir Barat, boleh Dikir Barat. Tetapi dia tidak gemar Dikir Barat maka dia turun ke Dikir Laba (gangguan bunyi). Dia tidak tertentu, dia boleh dikatakan orang yang boleh menyuarakan suara dia itu dengan nada Dikir Laba ini tidak memilih orang. Siapa yang berminat, dia boleh cuba untuk menyesuaikan suara dia itu. Dan tidak semestinya orang suara *deras* [kuat] itu boleh keluarkan nada yang lebih, kadangkala suara dia itu tidak *semake* [tidak masuk dalam lagu]. Seperti contoh “haa”, “aaa”, jadi hendak terbitkan suara “aaa” halus, dikeluarkannya “aaa” kasar, tidak sama dengan orang yang keluarkan suara yang halus tadi. Dia perlu seiring atau tidak kebawah dan tidak keatas, jadi sama sahaja bunyi. Kita keluar suara itu maknanya telinga kita boleh dengar siapa-siapa yang lebih ataupun kita berada di tahap mana. Kita kena kenal suara kita itu dan lihat sama ada masuk atau tidak dengan orang lain. Tidak boleh hendak dahulu atau hendak memandai, tidak boleh. Adapun suara

yang jenis kuat itu kan, dia tidak sekuat yang dia buat hari-hari, sama sahaja. Itulah daripada markah yang diambil, iaitu dipanggil air suara ataupun dalam lagu itu ada air suara, dalam nada lagu P. Ramlee lain, nada dalam lagu Ahmad Jais lain. Kita dengar air suara masing-masing tidak serupa, itulah kelebihan yang ada pada pasukan Dikir Laba, tidak sama dengan Dikir Barat lah. Suara orang Dikir Barat itu, dia lepas habis-habisan, kiranya *perabis angin* [jerit sekuat hati]. Kalau Dikir Barat lagu lain, Dikir Laba ini *pelepas angin* [hilangkan bosan] juga, tetapi dengan cara yang berhemah iaitu dengan cara beringat-ingat. Tidak melangkaui yang orang lain ataupun berada dibelakang orang lain sangat. Kalau dibelakang orang lain ia dipanggil sumbang. Dalam Dikir Barat juga ada suara yang tidak masuk kumpulan seperti bunyi “wee”, tidak masuk lagu. Itu sumbang itu. Itulah suaranya.

**FG : Dikir Laba ini biasanya dibuat dalam majlis apa?**

**PM :** Akhir-akhir ini hanya dalam, kalau di kampung majlis (gangguan bunyi). Majlis yang ada dalam kampung sekarang seperti perkahwinan ataupun diantara ahli sekali sekala hendak berhimpun, kita buat la sekali katanya. Pakat-pakat minum air, roti cicah bubur ke, begitulah pakat berhimpun hendak menghilangkan kesunyian, macam pertandingan itu tidak larat sudah. Tambah-tambah lagi masing-masing ada masalah, masalah hendak tinggal rumah tidak boleh, masalah *kencing acak* [tidak lawas] (Pak Mat ketawa). Tengah dikir, dia tidak kurang daripada *dua* [2] jam duduk atas itu, *start* [mula] naik kalau kita minum



air lebih. Duduk sejam berasa hendak kencing sudah (Pak Mat ketawa).

**FG : Biasanya Dikir Laba ini sewaktu majlis berlangsung atau selepas majlis?**

**PM :** Selepas. Kadang-kadang ada juga, sebab kita ini mungkin atas tujuan orang yang menjemput, memanggil itu la, contoh majlis perkahwinan semasa bersanding kita dijemput buat persembahan dalam melayani tengah makan minum, tengah jamu selera itu, kita duduk naik atas pentas dan berdir. Contohnya, satu persandingan anak pengetua *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK] dulu, di asal kampung ini juga. Profesor. Duduk di *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK], dia jemput kumpulan kita untuk berdir pada hari bersanding anak dia.

**FG : Oh, bukan sewaktu majlis berlangsung?**

**PM :** Selepas. Kadang-kadang ada jugak, sebab kita ini mungkin atas tujuan orang yang menjemput, memanggil itu la, contoh majlis perkahwinan semasa bersanding kita dijemput buat persembahan dalam melayani tengah makan minum, tengah jamu selera itu, kita duduk naik atas pentas dan berdir. Contohnya, satu persandingan anak pengetua *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK] dulu, di asal kampung ini jugak. Profesor. Duduk di *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK], dia jemput kumpulan kita untuk berdir pada hari bersanding anak dia.

**FG : Mana itu?**

**PM :** Di *Universiti Malaysia Kelantan* [UMK]. Dia buat macam, hendak kata *konvo* [konvokesyen] itu bukanlah, cuma majlis anak dia bersanding. Kita duduk naik atas pentas manakala tetamu yang dia jemput itu tengah makan, jamu selera lah. Kita yang berdikirnya. Jadi terpulanglah atas jemputan, masa permulaan ataupun selepas, kalau selepas ini maknanya hari persandingan tengah hari, malam itu kesunyian. Kalau bukan Dikir Laba maka Dikir Barat. *Dua* [2] itu *ja* [sahaja] la.

**FG : Semua ahli dia wajib menyanyi ke Ayah Mat?**

**PM :** (Pak Mat ketawa) Maknanya boleh ikutlah lagu, cara sesebuah lagu itu (gangguan bunyi) yang dia berminat. Maknanya sudah minat itu kita tidak lari daripada yang minat itu, terpaksa, terpaksa kena ikut. Lagu suara sedap tidak sedikit itu hendak buat bagaimana (gangguan bunyi), boleh-boleh macam itu sajalah. Suara orang muda dengan orang tua tidak sama sudah, orang tua boleh pergi tinggi lagi ataupun yang muda tidak boleh tinggi juga ada jugak (gangguan bunyi). Suara sekadar satu nada, dia tidak ada yang suara *kepit* [tidak keluar habis], kita panggil suara *kepit* [tidak keluar habis]. Contoh hendak mudah kepala lagu (Pak Mat demonstrasi nyanyian), yang ini *kepit* [tidak keluar habis]. (Pak Mat demonstrasi nyanyian), itu yang asal (gangguan bunyi). Yang asal kita letak suara, suara tubuh, habis tidak *kepit* [tidak keluar habis]. Kalau dia *kepit* [tidak keluar habis], pergi kepada (Pak Mat demonstrasi nyanyian), yang itu tidak kuat, itu yang buat. Kalau tidak yang asli yang itu. Seperti dalam nada

latihan, kita hendak suara tinggi, kita buat cara buat itu la, buat tinggi itu, buat-buat. Bukan diguna tenaga yang asal, dia lain. Kalau yang asal seperti Ayah Kod, *Tok Joro* [ketua kumpulan] tadi itu, dia boleh jerit tinggi, itu yang asal dia itu, asal dia. Dia, orang lain seolah-olah paksa, suara paksa, *kepit* [tidak keluar habis] juga tidak sepenuhnya yang asal.

**FG : Latihan Dikir Laba? Berapa lama masa untuk berlatih sesebuah lagu?**

**PM :** Kalau sesebuah lagu itu, kepada yang tahu sedikit-sedikit sudah itu, ambil masa tidak lama. Dalam *dua* [2] malam berturut-turut, bagi ahli yang tahu sudah. Kita hendak ubah satu-satu lagu, hendak peringatkan. Tetapi iyalah, dia tidak boleh kata dalam *satu* [1] malam hendak peringat *satu, satu* [1, 1] lagu dia kena tidak kurang daripada *dua puluh* [20] kali kata, satu rangkaian perkataan itu. Contoh kata, (gangguan bunyi) (Pak Mat demonstrasi nyanyian), ada seorang kalau tidak tulis ia tidak akan disusun dengan baik. Lepas itu pula, kalau kata seorang tidak sama dengan yang *dua* [2] *tiga* [3] orang. Dia jadi macam ingat mengingati, seorang ingat yang ini, seorang ingat yang itu, jadi sambung menyambung. Itulah sesebuah lagu yang dilatihnya, kalau semalaman itu, sama ada dia ulang pokok mula-mula ataupun tengah-tengah hendak naik ke *jerit* [mengeluarkan suara yang kuat], mengikut pilihan, kalau agak payah di pokok hendak naik itu, dia ulang situ, sehingga benda jadi sebat. Kalau tidak suara itu bunyi pecah, masing-masing bawa hala, dia tidak akan, tidak lepas, kalau

hendak pergi bertanding juga tidak bawa lah lagu itu.

**FG : Tapi dia ikut ketua kumpulan?**

**PM :** Ya, dia kena ikut *Tok Joro* [ketua kumpulan]. Itulah, satu-satu lagu itu. *Tok Joro* [ketua kumpulan] dulu lah yang jadi ketua, jadi pembimbingnya. Ya la, tekun tidak tekunnya, arwah ayah Pak Mat dia balik, masa dia dahulu dia buat nisan tuak, tuak *nyiuur* [kelapa]. Balik bubuh dalam bekas, buat nisan semua itu, mak la yang bubuh dalam kawah hendak masak nisan itu. Dia tengah buat lagu, buat lagu hendak dikir ini.

**FG : Dia buat lagu itu lama?**

**PM :** Dulu buat sehari-sehari, sehari dengan lagu.

**FG : Siap dalam masa sehari?**

**PM :** Kadang-kadang. Ikut atas lagu-lagu. Lagu-lagu itu, dia kata-kata, sendi kata dia itu pendek-pendek tetapi boleh mengeluarkan maksud ataupun air lagu itu boleh mengalunkan dengan mudah, ada mudah ada yang payah. Jadi hendak turut lagu itu, perkataan itu banyak sangat juga payah ingat jugak, yang cakap dekat orang itu payah, kita hendak ingat juga payah. Untuk latihan itu sesuai, sesuai dengan kata-kata itu, masuk dengan lagu. Irama yang boleh mengalunkan *satu* [1] lagu

itu, untuk kita kata kalau lagu itu tinggi, biarlah kata-kata atau sendi kata itu boleh jadi suara yang ringan. Contohnya, (Pak Mat demonstrasi nyanyian), *tiga* [3] perkataan itu *ja* [sahaja], tetapi ulang, bunyi panjang juga. (Pak Mat demonstrasi nyanyian), ulang yang itu *la*, (Pak Mat demonstrasi nyanyian), begitu *la* lebih kurang.

**FG : Kalau ahli dia lupa lirik? Kira terjejas persembahan?**

**PM :** Senyap *la* dia, tidak boleh *dok turut* [tidak boleh ikut], jangan kata, jangan kata benda lain. Dia tidak boleh, memang tidak boleh. Silap sepatih ataupun silap *satu* [1] lirik, rosak habis, jadi *kepala* [ketua] membawa lagu itu jangan digaduh, jangan dibuat pandai-pandai. Biar *Tok Joro* [ketua kumpulan] juga yang mendahului, (Pak Mat demonstrasi nyanyian) itu tadi kan. (Pak Mat demonstrasi nyanyian), hendak pergi ke lain, *part* [bahagian] lain pulak. Ataupun kalau sudah, orang yang masa teringat (Pak Mat demonstrasi nyanyian), “*waakodore*” (lirik lagu Dikir Laba) tinggal. Ha itu rosak sahaja lah. Jadi orang lain hendak ambil “*waakodore*” (lirik lagu Dikir Laba) tidak boleh sudah, celik mata juga tidak pakai sudah *la*, *tokde brake* [tidak sempat berhenti] sudah. Orang tidak tahu senyap, orang tahu dengar biasa. Kesilapan dalaman. Itulah silap *sebutir* [satu], mesti mengaku salah, dalam kumpulan itu tidak boleh siapa-siapa buat pandai melainkan seiya-sekata. Maknanya tengok mulut *Tok Joro* [ketua kumpulan], kalau “*pa*”, bunyi “*pakoltoya*” (lirik lagu Dikir Laba). Kalau “*waal*” (lirik lagu Dikir Laba) itu, “*wa*” (lirik lagu Dikir Laba) dulu, *nganga*

[terbuka] mulut itu, tahu la. Masing-masing muka mengadap muka, mata jangan ke lain, tengok sama sendiri, fokus.

**FG : Kalau latihan dia mula pukul berapa?**

**PM :** Kita biasa lepas sembahyang isyak ini dalam pukul- sebab masing-masing ada masalah, kadangkala pukul *sepuluh* [10] baru *start* [mula] dan habis pukul *sebelas* [11] atau *dua belas* [12]. Latihan tidak lama, yang tadi kita latihkan *satu* [1] lagu, maknanya selapis sekali kata itu beralih sekali kata beralih ke lagu lain.  
Kalau dalam pertandingan kita cuba latih bagi jadi *dua* [2] kali ulang Kalau "*soalto*" (lirik lagu Dikir Laba), *dua* [2] kali "*soalto*" (lirik lagu Dikir Laba). "*Waldokho*" (lirik lagu Dikir Laba), *dua* [2] kali "*waalhokho*" (lirik lagu Dikir Laba). "*Pakoltoya*" (lirik lagu Dikir Laba), *dua* [2] kali "*Pakoltoya*" (lirik lagu Dikir Laba). Setiap *dua* [2] kali ulangan untuk ketiga peringkat itu, maknanya *enam* [6] kali kata atas *satu-satu* [1-1] lirik.

**FG : Setiap malam berlatih?**

**PM :** (gangguan bunyi) Latihan itu, kita pernah buat *dua* [2] malam sekali ataupun *dua* [2] kali seminggu. Tidak banyak. Jadi boleh katakan kumpulan kita ini kumpulan asal *belako* [semua], tidak payah. Hanya untuk melatih suara, biar masa, *takda* [tidak ada] la terbatuk-batuk seperti persembahan tadi. Ganas lagi kalau yang berlatih selepas kata kali yang kedua, rasanya kalau tutup jendela

habis ini, *bengang* [sakit kapala]. Sudah *dua puluh* [20] orang, tadi baru *sepuluh* [10] orang. Begitulah alunan suaranya kalau hendak dibandingkan Dikir Barat ini, orang Dikir Barat suara hendak menandingi, dia *punah* [rosak] dulu, *puak* [kumpulan] Dikir Barat *punah* [rosak] dulu suara. Sebab Dikir Barat dia *rembas* [guna] habis, dia *jerkah* [jerit] begitu kan. Manakala Dikir Laba ini, dia tidak *rembas* [guna] habis, tidak *jerkah* [jerit] supaya boleh menahani, ketahanan dia itu boleh memanjangkan masa dia itu.

**FG : Dikir Barat dia popular lagi dari Dikir Laba tidak?**

**PM :** Ya, sekarang ini memang lebih dia la. Sebab dia ada, boleh bagi pandangan, keterangan. Kita (Dikir Laba) hanya memberi nada suara ataupun alunan, mengalunkan suara yang *lunak* [merdu] dari segi kesenian asli. Seni suara yang datang daripada alunan lagu-lagu mengalun ataupun merayu (Pak Mat ketawa). Duduk itu macam sekadar untuk hilangkan kesunyian, ciptaan baru tidak ada.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: DIKIR LABA DIKIR TERANCAM**

**FG : Kenapa dikir laba diambang kepupusan?**

**PM :** Tidak ada pelapis. Yang ini boleh dikatakan daripada minat itu juga orang kurang. Seolah-olah tidak ada fokus, fokus benda apa sangat. Tidak ada perkembangan, tidak ada arah tuju, tidak ada kata-kata nasihat, *takda* [tidak ada]. Hanya sekadar memberi alunan suara, *lunak* [merdu], tinggi rendah suara, ataupun lagu-lagu yang dialunkan itu boleh merayu ataupun mendendangkan irama itulah dengan rentak-rentak lagu yang ada.

**FG : Tetapi sebab Dikir Barat jugak Dikir Laba tenggelam?**

**PM :** Ya naik Dikir Barat, Dikir Laba tidak ada pelapis itu disebabkan mereka berada dalam Dikir Barat. Pelapis-pelapis itu, dia suka. Bagi remaja hendak turun ke Dikir Laba jarang-jarang sekali, tetapi ada. Ada *Tok Joro* [ketua kumpulan] Dikir Barat juga ada tadi, ahli Dikir Barat, tukang rebana Dikir Barat, ada tadi. Dia pernah, kalau kita ada jemputan apa untuk Dikir Laba, dia tunda yang dia. Dia pasukan ini juga lah, dia boleh Dikir Barat, dia boleh Dikir Laba. Maknanya pelapis itu duduk di Dikir Barat. Tidak pupus juga la tetapi tidak sama.

**FG : Tidak sama dengan Dikir Barat kan, yang Dikir Rebana itu sama?**

**PM :** Rebana itu lagi tidak sama, penat lagi. Suara tinggi lagi ataupun dia jadi suara yang di- (gangguan bunyi), dia Dikir Rebana ini, Pak Mat hendak *demo*



[membuat demonstrasi] juga tidak pandai, tetapi Ayah Kod *Tok Joro* [ketua kumpulan] tadi boleh, dia *Tok Joro* [ketua kumpulan] juga untuk Dikir Rebana ini. Dikir Barat juga dia boleh juga dulu, dia itu boleh Dikir Barat, Dikir Rebana, gendang silat, silat, *boxing* [tinju] rasanya juga boleh juga, Kampung dia itu ramai ahli-ahli *boxing* [tinju]. Tetapi tidak sampai ke anak beranak dia la. Kalau untuk *Tok Joro* [ketua kumpulan] itu juga sampai dekat dia sahaja, anak-anak dia semua tidak ikut.

**FG : Dikir Laba mula terkenal tahun bila?**

PM : Mula *tersohor* [terkenal] tahun *tujuh puluh an* [70 an].

**FG : Yang dia jatuh itu tahun bila?**

PM : Hendak kata ambil sebab-sebab dari pertandingan juga tidak tahu la, tetapi salah satu sebabnya boleh katakan setelah berhimpun bertanding mula-mula *lapan* [8] pasukan, yang kedua, *sembilan* [9] pasukan, yang ketiga, *empat* [4] pasukan. *Salah-silah* [asal-usul] sebab-sebab, diantara *satu* [1] sebab itu pada pandangan Pak Mat, setiap pertandingan itu pasukan Pak Mat yang naik *sokmo* [selalu]. *Puak-puak* [kumpulan-kumpulan] juri itu telah juga diadili oleh kumpulan juri-juri terhandal juga la, yang boleh buat kategori, boleh buat markah semua itu. Pada tahun, kali kedua itu la, pada tahun *dua ribu enam* [2006] kalau tidak silap ataupun tahun *dua ribu tiga* [2003]. *Dua ribu tiga* [2003] itu dia buat

pertandingan besar-besaran, pasukan Pak Mat juga boleh johan, seolah-olah mereka ini berasa kecil hati sebab Pak Mat johan selalu dan pernah orang cakup pasukan yang tidak puas hati itu macam hendak mencetus pergaduhan, *pekong* [melempar] botol air mineral. *Pekong* [melempar] botol air mineral ke juri yang buat keputusan pengadilan. Depan-depan juri, depan-depan pengarah dan timbul provokasi, jadi masalah naik. Ingat bocor atau apa, air tidak pecah botol kecil, bila jatuh itu macam bocor. *Puak-puak* [kumpulan-kumpulan] pengadil ada, jadi ada tanda tanya mari dari mana, jatuh ikut sini ini. Siasat-siasat ada la kumpulan yang tidak puas hati malam itu, ekoran daripada itu, buat pertandingan ketiga itu tidak ada, tidak turut. Peserta-peserta itu tidak mari sudah. Ada kumpulan terdekat macam hendak ambil hati memanggil, buat pertandingan akhir itu hanya diberi markah sahaja tetapi bayarannya dibagi sama rata. Ibarat kata, kumpulan pertama dapat *seribu* [RM1000], kumpulan kedua dapat *lapan ratus* [RM800], kumpulan ketiga dapat *enam ratus* [RM600], kumpulan keempat dapat *lima ratus* [RM500]. Jumlah bayaran kesemua ini dicampur dan dibahagikan kepada *empat* [4] kumpulan, kalau tidak silap *lapan ratus* [RM800] untuk setiap pasukan. Maka, johan pertandingan jatuh kepada kumpulan Pak Mat juga, bahagi *empat* [4] itu jatuh sama rata, semua dapat *lapan ratus* [RM800] (gangguan bunyi). Itulah sambutan terakhir, melambangkan tidak ada sudah, hilang fokus sudah. Disitu lah pertandingan mula tidak ada, hanya ada sekali sekala sama-sama pasukan, kalau hendak buat kenduri ini, mari panggil ajak kumpulan-kumpulan, kita *pakat* [buat] dikir, *segar angin* [hilang bosan]. Itu

sahaja la yang ada sekarang ini. Yang bahagian pelancongan, dia tidak jemput kumpulan lain, dia jemput kumpulan Pak Mat sahaja. Sebab jemputan itu ia diambil dari *salah-silah* [asal-usul] johan Dikir Laba, tidak ada orang lain melainkan Pak Mat. Pihak pelancongan telefon Pak Mat mari sini.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: CERITA RAKYAT DI DALAM DIKIR LABA

**FG** : Yang akhir sekali ini hendak tanya pasal cerita rakyat? Yang berkait dengan Dikir Laba?

**FA** : Maksudnya dekat sini kalau dalam Dikir Laba itu, cerita yang berkaitan Dikir Laba itu yang jadi mitos ataupun buah mulut masyarakat?

**PM** : Yang lekat dengan dikir laba di hati orang, buah mulut atau disebut sebagai satu-satunya seni budaya yang ada, tidak ada lah, seolah-olah sebagai merai keraian kepada, orang Dikir Laba ini kalau satu-satu majlis itu hendak menghilangkan kesunyian ataupun lama tidak dengar Dikir Laba, Dikir Barat dengar selalu sudah. Hanya itu yang ada sekarang ini, seolah-olah benda itu ada tetapi pupus tidak pupus (gangguan bunyi), contohnya “*gi turut* [pergi panggil], *oyak* [beritahu] Pak Mat ajak *puak-puak* [kumpulan-kumpulan] dia berdikir”, itu sahaja la. Orang yang ada niat apa-apa.

- FG** : Kalau dalam seni kata lagu, ada tidak pasal cerita-cerita rakyat?
- PM** : (Pak Mat ketawa) Asal-usul lagu itu, tidak boleh hendak bagi kata macam kata-kata khusus yang boleh (gangguan bunyi) mengangkat martabat semua itu, tidak ada. (gangguan bunyi)
- FA** : Adakah dikir laba ini penyebab kepada penyebaran Agama Islam dekat Kelantan?
- PM** : (gangguan bunyi) *Salah-silah* [asal-usul] lebih kurang begitulah, boleh dikatakan *salah-silahnya* [asal-usulnya] kita hendak berhimpun dari satu-satu perhimpunan itu diminta ataupun diberi keizinan oleh pegawai keselamatan. Samalah contoh seperti kata hendak buat perhimpunan hendak Dikir Barat, main wayang kulit orang dulu-dulu, jadi seolah-olah masa itu dalam keadaan darurat. Dalam keadaan darurat itu, tidak boleh hendak buat sesuka hati hendak berhimpun sebab apa-apa sebab. Jadi sebab diantara sebabnya kita buat majlis apa-apa, majlis kesyukuran, tahlil atau apa-apa. Selingan ataupun *selit-sepit* [selingan] kita hendak ambil kesempatan itu kita hendak berhimpun dengan tujuannya iaitu hendak bagi boleh berhimpun ramai sedikit. Ahli kumpulan Dikir Laba itu juga tidak kurang daripada *empat puluh* [40], ataupun tidak ahli juga boleh mari lah sampai *empat puluh* [40] orang. Itulah, pernah diceritakan orang dulu-dulu, dia ini seolah-olah hendak ambil kesempatan ataupun hendak bagi boleh berhimpun, hendak berlindung disebalik itu, disebalik hendak berhimpun itu disebabkan apa-apa, salah satunya Dikir Laba ini ada. Kalau

hendak *main puteri* [mainan tradisi] juga kena ambil *pas* [surat kebenaran], maknanya surat kebenaran daripada balai polis. Dikir Laba ini diberi kebenaran tanpa surat, surat-surat macam, kita kena bayar la, surat-surat itu kena bayar berapa-berapa dan dapat kelulusan daripada pegawai daerah, kalau tidak dapat tandatangan maka tidak boleh buat perhimpunan. Jadi kita helah-helah, “ini *ore* [orang] kampung lama tidak dengar Dikir Laba ini, hendak berhimpun sekali, hendak Dikir Laba, buat kawasan semua itu”, pergi minta kebenaran begitu *ja* [sahaja] (gangguan bunyi). Akhir-akhirnya pegawai daerah suruh berhubung dengan balai polis terdekat, suruh tok penghulu ambil alih, tok penghulu ambil peranan ini. Dengan kata hendak berhimpun, dapat kelulusan. Akhir-akhir la itu. Itu boleh dikatakan cetusan daripada helah untuk orang boleh berhimpun selain daripada tahlil ataupun maulud, Dikir Laba lah, yang ada masa dulu.

**FG : Kalau macam orang dulu, kalau sebut pasal Kelantan, ada yang sebut pasal Dikir Laba?**

**PM :** (gangguan bunyi) Dulu itu boleh katakan, macam tadi lah dimana setiap kampung ada *satu* [1] pasukan, mungkin orang-orang dahulu tidak ganjil la dengan perkataan dikir laba, dia tahu dikir itu benda apa.

**FG : Orang luar mari dia tahu?**

**PM : Orang luar yang akhir-akhir ini tidak tahu, kalau yang dulu mungkin tahu. Sebab macam--**

**PM : *Dok* [tinggal] *Bachok* [Kelantan] *dok* [tinggal] kawasan mana?**

**FG : Mana?**

**PM : *Bachok* [Kelantan] kawasan mana?**

**FG : Pasar Jelawat**

**PM : Situ pasukan Berih Kubu Besar rasanya ada.**

**FG : Sekarang ini tidak ada sudah?**

**PM : Dulu salah seorang daripada penggiat, Berih Kubu Besar dia berhubung dengan Pasir Kasar, Sering. Sering ada satu pasukan situ, dibawah tok penghulu lah (gangguan bunyi). Dia pernah bawa pasukan dia akhir-akhir itu, pernah panggil kumpulan kita sini pergi dikir tempat dia, dia hendak belajar, maknanya dia bawa lagu lama, corak lama, dia kata hendak ubah cara bagi boleh serupa. Tetapi tidak boleh jugak, tidak tercapai juga cita-cita dia. Maknanya hendak cakap benda ini ayah tidak payah, mudah tidak mudah. Contoh kata kumpulan Pasir Kasar tadi, dia mari ambil sini, dia mari belajar sini, bawa kumpulan dia**

itu *kepala-kepala* [ketua-ketua] dia itu mari berlatih dengan kumpulan kita sini, ikut-ikut dan masuk kaset bawa balik pergi dengar, berlatih disana pula. Tetapi tidak lekat, air lagu itu boleh hendak dapat-dapat, tetapi hendak kata seni dia itu, kesungguhan yang ada itu tidak boleh hendak mengatasi dengan buat-buat, cara yang buat-buat. Kalau adik-adik perhati keadaan tadi, kumpulan yang tadi, yang duduk dengan yang bangun, mana lebih keadaanya

**FG : Maksudnya lebih suara?**

**PM :** Lebih suara ataupun gaya dia itu, gaya persembahan dia itu. (nampak yang berdiri lebih). Itu menandakan yang berdiri lebih ingat daripada yang bawah, tidak kurang juga dengan yang bawah, ingat juga, ada juga. Tetapi tidak menonjol.

**FA : Soalan terakhir untuk temuramah ini, kiranya habis soalan ini habis sesi temuramah kita ini. Kesian Pak Mat tiga jam cakap tidak berhenti. Yang terakhir ini saya hendak tanya, awal tadi Pak Mat kata yang dalam lirik lagu Dikir Laba ini dia akan ada selawat untuk sesetengah lagu itu. Disebalik lagu itu, bahasa yang digunakan itu, ada tidak cerita-cerita yang hendak disampaikan melalui lagu itu, selain daripada untuk kumpulan orang-orang kampung?**

**PM :** Imbasannya, imbasan itu seolah-olah kumpulan masing-masing itu ada lagu

kemuncak dia. *Satu-satu* [1-1] lagu itu melambangkan kehairahan dia ataupun kemampuan dia itu dimana kalau dia *laungkan* [menyuarakan] lagu itu, itulah melambangkan dia itu lagu yang terpilih, lagu yang dipilih, lagu yang terlebih dalam pasukan dia itu, sehingga dikatakan yang ini yang lagu penghabisan, lagu yang kata hendak "*mapuh*" [mati], hendak "*mapuh*" [mati] kelebihan orang lain, lagu ini la yang teratas. Itu la lambangan lagu-lagu itu, disebalik makna itu, tidak boleh hendak terang, tidak boleh hendak ulas, cuma ada kelebihan. Contohnya lagu dalam bahasa dikir ini, kalau tidak *tubik* [keluar] lagu "*pijarotey*" (lirik lagu Dikir Laba), tidak sudah lagi itu. Maknanya, *tubik* [keluar] sahaja lagu itu, orang dengar juga tahu yang ini merupakan penyudah, penghabisan, "boleh *kelik doh* [balik sudah] ini, bangun-bangun *doh* [sudah] la", itu lah melambangkan lagu itu melambangkan kekuatan satu-satu puak, makna itu Wallahualam.

**FA : Itu sahaja, terima kasih Pak Mat. Kiranya kami, bukan kami berdua, kami semua. Hendak berterima kasih dengan Pak Mat yang sudi untuk kongsi serba sedikit pengalaman ataupun maklumat mengenai Dikir Laba.**

**PM : Iyalah, setakat yang Pak Mat tahu sahaja la, yang tidak tahu tidak boleh hendak *oyak* [cakap] sudah.**



**FA : Tetapi kebanyakan yang Pak Mat cerita tadi itu sudah menjawab sudah kesuluruhan soalan yang kami sudah buat ini. Kiranya nanti semua benda-benda yang Pak Mat cakap tadi itu kan, kami akan buat satu dokumentasi, kami akan bukukan, keluarkan. Dengan itu, saya hendak tanya Pak Mat sama ada Pak Mat hendak ataupun tidak? Untuk kenangan Pak Mat sendiri.**

**PM : Iyalah, untuk kenangan ataupun hendak tengok juga keadaan sekiranya ada kesilapan ataupun tersilap kata ataupun tidak boleh memberi makna, lari daripada makna ataupun takut orang luar salah tafsir, lari tajuk, hendak juga untuk tatapan kalau boleh, untuk anak baca-baca nanti, bekas *Universiti Sains Malaysia* [USM] juga itu**

**FA : Tidak apa Pak Mat nanti kami hantar.**

**TAMAT BAHAGIAN 4**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Mohd Fazil Bin Ali dan juga Ahmad Fathi Bin Ghazali telah menemubual Encik Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Mat yang merupakan seorang pendikir untuk Dikir Laba dan ia merupakan satu persembahan yang sering diminati oleh rakyat di negeri Kelantan dan ia merupakan salah satu daripada kebudayaan tempatan yang telah wujud sejak dulu lagi. Beliau dilahirkan pada tahun 1946 di Kampung Periuk, Chabang Empat Itumpat, Kelantan. Mempunyai seorang isteri dan juga 2 orang anak lelaki serta 2 orang anak perempuan. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau iaitu di Kampung Periuk, Tumpat, Kelantan. Sesi temubual ini dijalankan untuk mengetahui tentang asal usul Dikir Laba dan juga untuk mengetahui serba sedikit tentang latar belakang pencerita Dikir Laba ini.

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
0.32 (VR002)	Menceritakan perihal latar belakang diri Encik Mohamed @ Mad Bin Awang	Profil Encik Mohamed @ Mad Bin Awang
01.17 (VR002)	Menceritakan zaman persekolahan	Darjah 6 Sekolah Melayu Sekolah Inggeris Tumpat
05.58 (VR002)	Menceritakan tempat lahirnya beliau	Kampung Periuk, Chabang Empat Tumpat, Kelantan
06.22 (VR002)	Mengenai pekerjaan semasa	Petani biasa Guru Kelas Latihan Kerja (KLK) Guru Quran Pembantu Masyarakat
12.02 (VR002)	Mengenai latar belakang keluarga	Profil latar belakang keluarga beliau
18.47 (VR002)	Inspirasi beliau untuk berdirir Laba	Daripada nenek sebelah Ayah

22.10 (VR002)	Perihal kehidupan beliau sepanjang bergelar seorang pendikir Laba	Sebagai tukang jerit Mula dari umur 7 atau 8 tahun lagi
00:30 (VR003)	Kehidupan sebagai seorang petani	Campur tangan oleh Pertubuhan Peladang
10:28 (VR003)	Kehidupan sebagai bekas petani	Latar belakang hidup terlibat dengan pertanian

## BAHAGIAN 2: ASAL USUL DIKIR LABA

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
11:00 (VR003)	Tempat yang mulakan Dikir Laba	Tok Guru bernama Haji Hassan Tinggal di Wakaf Bharu
11.45 (VR003)	Dikir Laba di Kelantan	Wakaf Bharu Pasir Mas Tanah Merah
13:57 (VR003)	Pencipta Dikir Laba	Tok Guru Haji Hassan Tok Guru Haji Lah
15.25 (VR003)	Asal usul nama Dikir Laba	Labah-labah atau Labai-labai Ketua kumpulan kebanyakan dari Arab Parsi
17.10 (VR003)	Kebanyakan rakyat Kelantan tidak tahu mengenai Dikir Laba	Tidak jadi kegemaran biasa Lebih mengenali Dikir Barat
21.30 (VR003)	Dikir Laba sebagai hobi	Hilangkan penat lelah Hilangkan sunyi
23.37 (VR003)	Pengiktirafan yang diperoleh Dikir Laba	Mempunyai pertandingan yang tersendiri
30:22 (VR003)	Pakaian ahli Dikir Laba	Pakaian rasmi Jaket
31:21	Aktiviti Dikir Laba sewaktu	Pembukaan suara



(VR003)	persembahan	Pengenalan diri Bismillah
43:00 (VR003)	Penutup persembahan Dikir Laba	Bersalaman
43:43 (VR003)	Pencipta lagu Dikir Laba	Penyair Orang tua-tua dahulu Ketua kumpulan
45:38 (VR003)	Jumlah lagu bagi setiap persembahan	Enam 30 minit bagi setiap lagu
47:58 (VR003)	Hakcipta lagu Dikir Laba	Lagu menjadi sumbang Atas keizinan pencipta
51:40 (VR003)	Bahasa lagu Dikir Laba	Tiada bahasa Dicipta atas kesesuaian suara
56:47 (VR003)	Selawat dalam lirik lagu	Kata-kata pujian Perlu diletakkan
00:50 (VR004)	Ahli kumpulan Dikir Laba	40 orang Semakin berkurangan
01:55 (VR004)	Peringkat umur ahli Dikir Laba	Tidak menentu Atas kesesuaian suara
05:17 (VR004)	Ahli Dikir Laba terdiri dari ahli Dikir Barat	Orang tua dahulu tidak gemar Dikir Barat
09:45 (VR004)	Dikir Laba di dalam majlis	Perkahwinan Orang kampung berhimpun
14:12 (VR004)	Nyanyian ahli Dikir Laba	Ikut ketua kumpulan
17:35 (VR004)	Latihan Dikir Laba	2 malam berturut-turut Bermula pukul 10 malam Tamat pukul 12 tengah malam
25:52 (VR004)	Ahli terlupa lirik lagu	Berhenti menyanyi sementara

**BAHAGIAN 3: DIKIR LABA DIKIR TERANCAM**

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
32:50 (VR004)	Dikir Barat lebih terkenal dari Dikir Laba	Dikir Barat ada nasihat Dikir Laba hanya alunan suara
34:40 (VR004)	Dikir Laba diambang kepupusan	Tiada pelapis Kebanyakan masuk Dikir Barat
39:21 (VR004)	Dikir Laba mula terkenal	Tahun 70an
39:25 (VR004)	Dikir Laba mula tenggelam	Tahun 2000 Pertandingan akhir pada 2006

**BAHAGIAN 4: CERITA RAKYAT DI DALAM DIKIR LABA**

MASA	SUBJEK	NAMA YANG SESUAI
46:40 (VR004)	Dikir Laba sebagai buah mulut masyarakat	Seni budaya Meraikan sesuatu Menghilangkan kesunyian
48:20 (VR004)	Cerita rakyat dalam lirik lagu	Tiada kata khusus dalam lirik lagu
49:30 (VR004)	Dikir Laba sebab penyebaran agama Islam di Kelantan	Berhimpun Majlis kesyukuran Tahlil
53:53 (VR004)	Orang dahulu dan Dikir Laba	Tidak ganjil dengan Dikir Laba Mempunyai banyak pasukan
54:28 (VR004)	Pengetahuan orang luar dari Kelantan	Dahulu tahu Sekarang berkurang
59:23 (VR004)	Cerita disebalik lagu yang disampaikan	Melambangkan kehairahan Kemampuan Kekuatan satu-satu kumpulan

## DIARI KAJIAN

Tarikh / Masa	Tujuan	Tempat	Aktiviti
23/3/2016  (3.00 Petang)	Untuk mencari maklumat berkaitan dengan warisan Kelantan.	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan  Kompleks JKKN  Kelantan, Lot 1993,  Kota Bharu, Seksyen 49, Tanjong Chat,  Kelantan, 15200.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanya kaunter pertanyaan siapa yang bertanggungjawab tentang warisan Kelantan.</li> <li>- Bertemu dengan Pegawai Penyelidikan JKKN, Encik Nazali dan beliau memberikan informasi berkaitan Dikir Laba.</li> </ul>
4/4/2016  (4.00 Petang)	Untuk mengenal tempat tinggal Pak Mat (Ahli Dikir Laba) serta ingin mengenali Pak Mat dengan lebih mendalam bagi	Lot 1786 Kampung Periuk,  Chabang Empat Tumpat,  Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertemu dengan Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih dikenali sebagai Pak Mat.</li> <li>- Beliau merupakan salah seorang ahli kumpulan Dikir Laba dan Pak Mat juga berbesar hati untuk berkongsi atau memberi maklumat tentang Dikir</li> </ul>



	mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Dikir Laba (Temuramah tidak formal)		Laba ini.
23/4/2016  (10.30 Pagi)	Mula menemuramah Encik Mohamed @ Mad Bin Awang atau lebih mesra dikenali sebagai Pak Mat	Lot 1786 Kampung Periuk, Chabang Empat Tumpat, Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebelum menemuramah beliau, Pak Mat dan ahli kumpulannya ingin membuat persembahan terlebih dulu.</li> <li>- Selepas selesai Pak Mat dan ahli kumpulannya memberi persembahan, Pak Mat dan ahli keluarganya menjemput kami untuk makan terlebih dahulu.</li> <li>- Mula menemuramah Pak Mat tentang perihal latar belakang beliau serta ahli keluarganya serta bertanya tentang maklumat Dikir Laba.</li> </ul>

<p>1/5/2016 hingga 11/5/2016</p>	<p>Untuk membuat pendokumentasian lisan bagi subjek IMR 604.</p>	<p>UiTM Kelantan kampus Machang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mula membuat draft pertama untuk transkrip Dikir Laba.</li> <li>- Pada 11/5/2016, mula membuat pembentangan serta menghantar draft pertama untuk transkrip Dikir Laba.</li> </ul>
<p>9/6/2016</p>	<p>Untuk dibukukan dan dihantar pada kedai Jilid dekat Kubang Kerian.</p>	<p>Kedai Jilid Kubang Kerian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mula menghantar transkrip ke kedai untuk dibukukan.</li> </ul>
<p>16/6/2016</p>	<p>Menghantar pendokumentasian lisan yang telah siap kepada pensyarah yang bertanggungjawab.</p>	<p>UiTM Kelantan kampus Machang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghantar transkrip yang telah dibukukan dan siap kepada Madam Kamariah Binti Chik.</li> </ul>

# SENARAI SOALAN

## LATAR BELAKANG PENCERITA TENTANG DIKIR LABA

1. Boleh saya tahu nama penuh Encik?
2. Apakah nama panggilan Encik?
3. Berapakah umur Encik?
4. Apakah tarikh lahir Encik?
5. Dimanakah Encik dilahirkan?
6. Apakah status Encik?
7. Dimanakah Encik mendapatkan pelajaran?
8. Pada tahap manakah Encik berjaya menamatkan pelajaran?
9. Apakah pekerjaan Encik?
10. Dimanakah Encik bekerja?
11. Sektor swasta mahupun kerajaan?
12. Pada tahun berapakah Encik mula bekerja?
13. Berapa lama tempoh Encik berkhidmat?
14. Apakah pekerjaan seterusnya?
15. Apakah pekerjaan yang Encik lakukan pada masa kini?

## **KELUARGA**

16. Siapakah nama isteri Encik?
17. Berapa orangkah jumlah cahaya mata Encik?
18. Pada tahun berapa Encik menamatkan zaman bujang?
19. Siapakah nama anak sulung Encik?
20. Umur berapakah dia sekarang?
21. Sudah berkahwin ke belum?
22. Lelaki atau perempuan?
23. Sudah berkerja atau masih belajar?
24. Dimanakah dia bekerja atau belajar?
25. Berapakah jumlah cucu Encik?
26. Siapakah nama anak bongsu Encik?
27. Berapah umurnya sekarang?
28. Adakah anak bongsu Encik sudah berkahwin?
29. Siapakah yang selalu memberi dorongan kepada Encik?
30. Bagaimana beliau memberikan dorongan kepada Encik?
31. Siapakah sumber inspirasi Encik?

### **SEJAK BILA BERGIAT AKTIF DALAM SENI WARISAN**

32. Sejak bila wujudnya minat untuk berdikir?
33. Adakah Encik mulakan dengan Dikir Barat?
34. Bila wujudnya minat untuk berdikir Laba?
35. Apakah yang menyebabkan Encik mula bergiat dalam Dikir Laba?
36. Pada umur berapakah Encik mula berdikir Laba ini?
37. Sudah berapa lamakah Encik bermain Dikir Laba ini?
38. Adakah Dikir Laba dianggap sebagai suatu hobi bagi Encik?
39. Apakah peranan Encik dalam Dikir Laba?
40. Apakah pencapaian Encik bersama Dikir Laba sewaktu dahulu?
41. Adakah Dikir Laba ini diwarisi oleh nenek moyang Encik?
42. Siapakah ahli keluarga Encik yang terlibat dengan Dikir Laba sewaktu dahulu?
43. Siapakah ahli keluarga Encik yang masih terlibat pada masa sekarang?
44. Adakah Dikir Laba akan dipupuk dalam kalangan keluarga?
45. Adakah Encik masih bergiat aktif dengan Dikir Laba pada masa ini?

### **ASAL USUL DIKIR LABA**

46. Bagaimanakah kemunculan Dikir Laba di negeri Kelantan?
47. Adakah Dikir Laba dimainkan di seluruh negeri Kelantan?
48. Kawasan manakah yang menjadi pusat kepada Dikir Laba?
49. Adakah Dikir Laba tidak meluas ke seluruh negeri Kelantan?

50. Mengapakah sesetengah rakyat Kelantan tidak mengetahui tentang Dikir Laba?
51. Siapakah yang mencipta Dikir Laba?
52. Mengapakah ia dipanggil Dikir Laba?
53. Sejak bilakah Dikir Laba diwujudkan?
54. Adakah Dikir Laba dikategorikan sebagai aktiviti kebudayaan?
55. Bilakah populariti Dikir Laba melonjak naik?
56. Bilakah Dikir Laba mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara?

#### **BAGAIMANA PERSEMBAHAN DIKIR LABA DILAKUKAN**

57. Bagaimanakah pakaian setiap ahli kumpulan Dikir Laba?
58. Apakah aktiviti yang dibuat sebelum Dikir Laba dimainkan?
59. Bagaimana Dikir Laba dimainkan?
60. Aktiviti pertama untuk mulakan Dikir Laba?
61. Aktiviti terakhir dalam sesuatu persembahan?
62. Adakah fokus Dikir Laba lebih kepada unsur-unsur islamik?

#### **TENTANG LAGU DIKIR LABA**

63. Dari manakah irama serta idea lagu dalam Dikir Laba diambil?
64. Lagu seperti manakah yang biasa dimainkan dalam Dikir Laba ini?
65. Berapa jumlah lagu yang dimainkan dalam sesuatu persembahan?

66. Berapakah panjang setiap lagu untuk Dikir Laba?
67. Siapakah yang mencipta sesuatu lagu untuk Dikir Laba?
68. Adakah syarat wajib yang perlu ada dalam setiap lagu untuk Dikir Laba?
69. Adakah setiap lagu mempunyai hak cipta?
70. Adakah kumpulan lain boleh main lagu yang sama?
71. Adakah perbezaan dalam setiap lagu Dikir Laba?
72. Adakah objektif utama dalam sesuatu lagu tersebut?
73. Bolehkah lagu dipinjam kepada kumpulan yang lain?

#### **TENTANG AHLI KUMPULAN**

74. Berapa ramaikah ahli kumpulan dalam Dikir Laba?
75. Adakah ahlinya juga merupakan ahli Dikir Barat?
76. Adakah Dikir Laba mempunyai ketua dalam persembahan?
77. Jika ada, apakah syarat untuk mengetuai sesuatu persembahan?
78. Bagaimana setiap ahli Dikir Laba diambil?
79. Adakah syarat untuk menyertai Dikir Laba?
80. Adakah ia terbuka untuk masyarakat umum?
81. Adakah peringkat umur kebanyakan ahli Dikir Laba?
82. Adakah Dikir Laba turut mengambil remaja dan kanak-kanak sebagai ahli?
83. Adakah sebab utama Dikir Laba mempunyai unsur islamik?
84. Adakah unsur islamik merupakan teras kepada Dikir Laba?

### **DIKIR LABA DALAM MAJLIS**

85. Dalam majlis apakah Dikir Laba dimainkan?
86. Adakah dimainkan sewaktu majlis berlangsung atau sebelum majlis dimulakan?
87. Adakah sesuatu persembahan Dikir Laba itu dikenakan bayaran?
88. Alat apakah yang biasa digunakan didalam Dikir Laba ini Encik?
89. Adakah setiap ahli dalam Dikir Laba mempunyai alat masing-masing sewaktu berdirik?
90. Adakah semua ahli diwajibkan menyanyi?
91. Adakah Dikir Laba terdapat tarian?

### **LATIHAN DIKIR LABA**

92. Berapa lamakah latihan Dikir Laba diperlukan?
93. Apakah latihan yang dibuat?
93. Berapakah lagu yang mampu dilatih dalam satu-satu masa?
94. Apakah teknik latihan?
95. Adakah persembahan terjejas sekiranya salah seorang ahli terlupa lirik lagu?
96. Berapa kali latihan dibuat dalam seminggu?
97. Pada pukul berapakah latihan dimula dan ditamatkan?
98. Apakah keutamaan yang diberi sewaktu latihan?



### **OBJEKTIF, PENCAPAIAN DIKIR LABA**

- 99. Objektif ataupun tujuan Dikir Laba ini diadakan?
- 100. Pengiktirafan apakah yang diperoleh Dikir Laba?
- 101. Apakah pencapaian tertinggi Dikir Laba?

### **KENAPA DIKIR LABA DIAMBANG KEPUPUSAN**

- 102. Kenapakah Dikir Laba ini dikatakan dikir yang diambang kepupusan?
- 103. Apakah yang menyebabkan Dikir Laba ini semakin pupus?
- 104. Adakah Dikir Laba mempunyai kaitan dengan Dikir yang lain?
- 105. Adakah Dikir Barat penyebab utama Dikir Laba tenggelam?
- 106. Apakah kaitan Dikir Laba dengan Dikir Barat?
- 107. Apakah kaitan Dikir Laba dengan Dikir Rebana?
- 108. Pada tahun berapakah bermulanya zaman kegemilangan Dikir Laba ini?
- 109. Mengapakah Dikir Laba tidak meluas seperti Dikir Barat?
- 110. Pada tahun bilakah Dikir Laba ini mengalami kemerosotan?
- 111. Faktor-faktor lain yang menyebabkan Dikir Laba ini mengalami kemerosotan?
- 112. Apakah tindakan yang dilakukan untuk mengatasi kemerosotan Dikir Laba?

### **PERBEZAAN DIANTARA DIKIR LABA DAN DIKIR BARAT**

113. Apa yang membezakan Dikir Laba ini dengan Dikir Barat?
114. Adakah Dikir Laba diadaptasikan daripada Dikir Barat?
115. Mengapakah tahap populariti Dikir Laba tidak setanding dengan Dikir Barat?

### **AKTIVITI DIKIR LABA PADA ZAMAN SEKARANG**

116. Adakah Dikir Laba mempunyai pelapis seperti dahulu?
117. Bagaimana mencari pelapis
118. Bagaimana memupuk minat anak muda untuk menyertai Dikir Laba?
119. Berapa ramai lagi kumpulan Dikir Laba yang masih ada pada masa ini?
120. Adakah mereka masih bergiat aktif dalam Dikir Laba?
121. Adakah perancangan Kembalikan populariti
122. Strategi untuk elakkan lenyap
123. Bagaimana untuk ahli kembangkan dikir laba ke seluruh Kelantan

### **CERITA RAKYAT YANG BERKAIT DENGAN DIKIR BARAT**

124. Adakah Dikir Laba berkait dengan mana-mana cerita rakyat di negeri Kelantan?
125. Adakah Dikir Laba mempunyai mitos atau cerita yang menjadi buah mulut rakyat di negeri Kelantan?
126. Adakah ada lagu Dikir Laba diadaptasi melalui cerita rakyat di negeri Kelantan?
127. Berikan sedikit contoh lirik lagu yang mengandungi unsur cerita negeri Kelantan?

128. Apakah cerita rakyat tersebut?

129. Mengapa cerita rakyat tersebut diadaptasi ke dalam lagu Dikir Laba?

130. Selain itu, adakah ada lagi cerita rakyat yang berkait dengan Dikir Laba?

131. Adakah seni Dikir Laba wujud sebelum penyebaran agama islam di Kelantan?

132. Adakah cerita rakyat itu tetap sama atau diubah sedikit semasa persembahan dikir barat?



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ..... Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah

.....  
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

# GAMBAR

## LAMPIRAN 1



Gambar 1: Sewaktu sesi menemuramah

LAMPIRAN 2



Gambar 2: Persembahan Dikir Laba

LAMPIRAN 3



Gambar 3: Ahmad Fathi, Pak Mat, Mohd Fazil



#### LAMPIRAN 4



Gambar 4: Kipas yang digunakan sewaktu persembahan Dikir Laba



# INDEKS

## A

Aktiviti.....65, 67, 75

## B

Bachok.....3, 17, 56, 57

Berdikir.....34, 36, 41, 42, 54, 63, 73, 77

## C

Chabang Empat..... 8, 23, 63, 68, 69

## D

Dikir Barat..24, 25, 39, 43, 48, 49, 50, 51, 54, 64, 65, 66,  
73, 76, 78, 79

Dikir Laba... 2, 3, 4, 14, 15, 16, 17, 21, 23, 24, 25, 26, 28,  
29, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 38, 39, 41, 43, 44, 46, 47,  
48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 56, 58, 59, 63, 64, 65, 66,  
67, 68, 69, 70, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80

Dikir Rebana ..... 14, 15, 50, 51, 78

## K

Kampung 2, 6, 7, 9, 11, 17, 22, 25, 36, 37, 41, 42, 54, 56,  
58, 66

Kebudayaan..... 68, 74

Kelantan..2, 3, 7, 8, 17, 21, 22, 23, 24, 26, 36, 41, 42, 43,  
54, 56, 57, 63, 64, 67, 68, 69, 70, 74, 79, 80

## L

Lagu ..4, 16, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 40, 43, 44, 45,  
46, 47, 49, 54, 57, 58, 59, 65, 66, 67, 75, 77, 80

Latihan..... 10, 34, 43, 46, 47, 77

Lirik ..4, 29, 30, 32, 34, 35, 36, 46, 47, 58, 59, 65, 66, 67,  
77, 80

## M

Majlis.....15, 24, 25, 41, 42, 43, 54, 66, 76

Masyarakat ..... 10, 11, 26, 53, 66, 76

Mengumpul ..... 24, 25, 26

## P

Pak Mat..... 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16,  
17, 20, 21, 22, 23, 27, 29, 30, 34, 35, 36, 38, 39, 41,  
43, 44, 45, 46, 49, 51, 52, 54, 58, 59, 60, 62, 68, 69

Pasir Mas ..... 22, 23, 26, 37, 64

Pasukan..17, 22, 26, 27, 29, 30, 40, 50, 51, 52, 56, 57, 59,  
67

Peladang..... 17

Pelajaran ..... 7, 71

Pelapis.....49, 50, 66, 79

Pencapaian.....26, 73, 78

Perhimpunan..... 24, 54

Persembahan... 3, 4, 28, 29, 30, 32, 33, 41, 42, 46, 48, 58,  
63, 65, 69, 75, 76, 77, 80

Pertandingan..... 22, 24, 27, 30, 33, 38, 41, 47, 51, 52, 64

Pertanian .....17, 21, 64

Pertubuhan..... 9, 17, 64

Petani ..... 9, 11, 17, 20, 21, 25, 64

## R

Rakyat.....24, 53, 54, 63, 64, 67, 74, 80

## S

Suara ...4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 16, 17, 25, 27, 28, 29, 30,  
32, 34, 35, 37, 38, 39, 40, 43, 44, 46, 48, 49, 51, 58,  
65, 66

## T

Tanah Merah .....22, 23, 64

Tok Joro..... 15, 22, 23, 30, 32, 38, 43, 45, 46, 50, 51

Tumpat..... 2, 7, 8, 22, 63, 68, 69

## W

Wakaf Bharu .....21, 22, 23, 64

Warisan..... 68